



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Institut Pendidikan Guru Malaysia

# *Antologi Ulasan Buku IPG*

*COVID-19 Melanda,  
PKP Dikuatkuasa*

*Editor  
Dr. Norsita Ali*



*Antologi  
Ulasan Buku  
IPG  
COVID-19 Melanda,  
PKP Dikuatkuasa*

*Editor*

*Dr. NORSITA BINTI ALI*

*Penolong Editor*

*Dr. IDRUL HISHAM BIN ISMAIL*

**ANTOLOGI ULASAN BUKU IPG  
COVID-19 Melanda, PKP Dikuatkuasa**

Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Diterbitkan oleh:  
PENERBIT IPG KPM  
Aras 1-3, Blok 2250, Jalan Usahawan 1,  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel : 03-83126666  
Faks : 03-83126655  
Web : <http://www.moe.gov.my>

**ISBN 9178 967 17720-6-5**

© Hak Cipta Institut Pendidikan Guru Malaysia 2020

Semua hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit dahulu.

Cetakan Pertama  
November 2020

# SECANGKIR TINTA - Rektor IPGM



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, saya diberi kesempatan untuk menulis sepele dua kata dalam ruangan Secangkir Tinta ini.

Tahniah dan syabas diucapkan kerana ‘Antologi Ulasan Buku IPG: COVID-19 Melanda, PKP Dikuatkuasa’ ini berjaya dihasilkan. Tanpa kesungguhan dan komitmen yang tinggi sudah tentu antologi ulasan buku ini tidak dapat direalisasikan. Ucapan tahniah dan syabas juga kepada para pensyarah IPG yang telah menyumbang artikel ulasan buku untuk berkongsi maklumat dan ilmu daripada buku yang telah dibaca.

Harapan saya agar warga IPG terus berusaha dan menggembeng tenaga serta kepakaran dalam menyalurkan idea yang bernas ke arah membentuk generasi baharu yang mengamalkan norma baharu bagi mendepani cabaran Pandemik COVID-19. Justeru, saya amat yakin salah satu cara bagi merealisasikan harapan tersebut ialah melalui usaha menghasilkan antologi ulasan buku seperti ini. Saya juga berharap agar usaha menerbitkan ‘Antologi Ulasan Buku IPG’ ini akan diteruskan pada masa akan datang dengan tema semasa supaya segala maklumat dan ilmu yang terkumpul dapat disebarluaskan serta dikongsi bersama-sama dengan warga IPG dan masyarakat umum keseluruhannya.

Akhir kata, ‘Antologi Ulasan Buku IPG: COVID-19 Melanda, PKP Dikuatkuasa’ ini menjadi wadah dan khazanah IPG yang amat bernilai terutama semasa seluruh negara dan dunia berhadapan dengan penularan wabak COVID-19. Semoga buku ini menjadi santapan minda dan rohani serta sumber inspirasi ke arah meningkatkan kompetensi dan profesionalisme dalam kalangan warga pendidik semua. ‘Guru Berkualiti Pemangkin Kegemilangan’.

Sekian, terima kasih.



*Dr. Rusmini binti Ku Ahmad*

Rektor

Institut Pendidikan Guru Malaysia

# *BICARA TINTA - Editor*

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.**

‘Antologi Ulasan Buku IPG: COVID-19 Melanda, PKP Dikuatkuasa’ ini dihasilkan berdasarkan situasi semasa yang melanda. World Health Organisation (WHO, 2020) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai satu pandemik iaitu wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas merentasi sempadan di seluruh dunia, pada 11 Mac 2020. Seterusnya pada 18 Mac 2020 kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak ini.



Walaupun ketika PKP, aktiviti wacana intelektual dalam kalangan warga IPG terus dilaksana. Jika ada kesungguhan dan keyakinan, pembelajaran sepanjang hayat mampu direalisasi dan dihayati, budaya ilmu terus dipergiat dan dimantap melalui pembacaan dan penulisan untuk diserbarluaskan dan dikongsi bersama. Sebanyak 19 artikel ulasan buku dari pelbagai genre sumbangan pensyarah IPG bertemakan pandemik COVID-19 menjadikan buku ini sangat istimewa. Editor sendiri pun amat teruja ketika menyiapkan antologi ini seolah-olah telah membaca kesemua buku yang dipersembahkan oleh pengulas. Tambah menarik lagi, buku ini dihidangkan dengan gambar-gambar dan kata-kata indah serta sarat dengan pengajaran bagi santapan minda pembaca.

Syabas dan terima kasih kepada semua penyumbang ulasan buku ini. Walau dalam apa jua keadaan, kita mampu bergerak dan melangkah sederap menuju satu matlamat menajam minda, menjana idea demi menambah khazanah bacaan negara. Ulasan buku hasil kupasan dan bacaan pelbagai buku akhirnya membuahkan ‘Antologi Ulasan Buku IPG: COVID-19 Melanda, PKP Dikuatkuasa.’ Terima kasih tidak terhingga juga buat Dr. Idrul Hisham Ismail yang banyak membantu dalam pengeditan antologi ini. Saya yakin lebih ramai lagi warga IPG yang akan menyumbang ulasan buku mereka untuk terbitan seterusnya. Ulasan buku ini juga diharap dapat menyumbangkan ilmu, berfungsi sebagai sumber rujukan dan pemangkin kepada warga IPG untuk mencintai buku seterusnya meningkatkan amalan budaya membaca bahan yang berkualiti dan bermanfaat.

Sekian, terima kasih.

*Dr. Norsita Ali*

Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Pusat Perancangan, Penyelidikan & Inovasi,  
Institut Pendidikan Guru Malaysia

# KANDUNGAN

	Muka surat
<b>Secangkir Tinta ~ Rektor IPGM</b>	iii
<b>Bicara Tinta ~ Editor</b>	iv
<b>Andai Ini Takdir yang Kupilih: Global Dream Ride (Siri 1)</b> <i>Dr. Mohd Nasrudin bin Basar</i>	1
<b>Quran Sainifik</b> <i>Dr. Ismail bin Mohamed</i>	6
<b>Sahabat Dunia Akhirat</b> <i>Dr. Roslina binti Suratnu</i>	12
<b>Debu-Debu Di Batu Arang</b> <i>Dr. Nazariyah binti Sani</i>	17
<b>Khalifah Umar Ibnu Abdul Aziz: Imam yang Adil</b> <i>Mahawa binti Pilus</i>	21
<b>Bila Allah Menduga Kita</b> <i>Dr. Zarina binti Ahmad</i>	26
<b>Sedekah Tanpa Wang: Cara Mudah Sedekah Tanpa Menunggu Kaya</b> <i>Dr. A.Rahman bin Haron</i>	31
<b>Ke Mana Wang Anda?</b> <i>Norhafizah binti Sapuan</i>	36
<b>Diagnostic And Statistical Manual Of Mental Disorders Dsm-5</b> <i>Dr. Noorashikin binti Edin</i>	41
<b>Biar Berbekas</b> <i>Shamsiah binti Md Nasir</i>	44

# KANDUNGAN

	Muka surat
<b>A Liberated Mind: How to Pivot Toward What Matters</b> <i>Datin Dr. Thusha Rani Rajendra</i>	49
<b>Membudayakan Etos Kerja Pendidikan Dari Perspektif Islam</b> <i>Dr. Siti Rosni binti Mohamad Yusoff</i>	54
<b>Kelebihan Bulan dan Hari serta Amalan Wirid dan Doa</b> <i>Dr. Rusminah binti Musliman</i>	59
<b>Aku Bukan Liabiliti: Motivasi dan Pedoman Berjuang di Medan Ilmu</b> <i>Dr. Kamisah binti Buang</i>	63
<b>Revolusi Hati Ajari Hatiku Agar Bersyukur</b> <i>Dr. Siti Nafsiah binti Ismail</i>	68
<b>Be Strong #Pujuklah Hati 3</b> <i>Azariah binti Yaacob</i>	72
<b>Lelaki Terakhir Menangis Di Bumi</b> <i>Dr. Azahar bin Aziz</i>	76
<b>Membongkar Sejarah Kegemilangan Kota Dunia Islam</b> <i>Dr. Idrul Hisham bin Ismail</i>	81
<b>Muhammad Al-Fateh: Penakluk Konstantinopel</b> <i>Dr. Norsita binti Ali</i>	86

# Andai Ini Takdir yang Kupilih: Global Dream Ride (Siri 1)

Dr. Mohd Nasrudin bin Basar  
(Institut Pendidikan Guru Malaysia)



Pengarang : Anita Yusof  
Penerbit : Firdaus Press Sdn.Bhd.  
Tahun : 2017

## Pendahuluan

Buku ini menceritakan pengalaman suka duka Anita dalam mengejar impiannya untuk melakar sejarah sebagai *the first muslim woman who rode solo around the world on a motorcycle*. Bahagian pertama dalam siri *Global Dream Ride* (GDR) ini menceritakan secara terperinci tentang persiapan yang dilakukan oleh Anita sebelum memulakan kembara dan perjalanannya. Berbekalkan pengalaman mengembara secara solo ke negara-negara seperti Thailand, Cambodia, Laos, Vietnam, Brunei, Indonesia, Filipina, China, Nepal, Uzbekistan, Kazashstan, Kyrgyzstan, Tajikistan dan Afghanistan secara *backpacking* ke banyak negara yang lain, beliau mengorak langkah lebih jauh dengan membuat pengembaraan solo mengelilingi dunia menaiki motosikal Yamaha merentasi empat buah benua yang meliputi 40 buah negara dengan merentasi jarak sejauh 653369km selama 370 hari.

## Persiapan

Bab ini menceritakan tentang segala persiapan dilakukannya sendiri, tanpa bantuan sesiapa dalam segala urusan baik dari segi permohonan visa, logistik, kargo, diplomatik dan sebagainya. Tambahan pula tiada sebarang bantuan dana

yang diterima. Beliau mengambil masa hampir setahun membuat penyelidikan untuk GDR dan enam bulan terakhir merupakan persiapan secara intensifnya.

Anita menceritakan secara menyeluruh segala persiapan yang dilakukan sebelum memulakan GDR seperti pilihan negara dan laluan, merangka belanjawan, kertas kerja, tajaan, dan surat-menyurat, visa dan urusan kedutaan, *carnet*, kargo motosikal dan menyeberang lautan, tiket penerbangan dan tiket feri, GPS, peta, dan buku *travel guide*, peralatan elektronik, fotografi, dan keselamatan, peralatan perkhemahan dan memasak, insurans, vaksin dan ubat-ubatan, pakaian dan kasut, persiapan motosikal, alat ganti dan peralatan membaiki motosikal, bahasa dan penterjemah, persediaan fizikal, mental, dan rohani, pelan kecemasan, wang, kad debit, dan kad kredit serta lain-lain.

### **Berani membuat keputusan yang lain dari kebiasaan**

Pelbagai faktor perlu difikirkan dalam membuat pilihan negara dan laluan perjalanan yang akan ditempuhi terutama dari segi dana, masa setahun yang ada, faktor keselamatan, negara-negara yang pernah dikunjungi dan pernah dilawati, serta untuk mengelakkan daripada menempuh musim dingin. Dalam membuat keputusan beliau turut menimbangkan pandangan idolanya dalam arena *adventure riding* iaitu Tiffany Coates yang telah beberapa kali mengelilingi dunia.

Akhirnya Anita membuat keputusan yang lain dari kebiasaan iaitu untuk bermula dari Seattle, Amerika Syarikat menuju ke utara (Alaska) dan turun ke selatan dengan melalui negara-negara Amerika Tengah yang terkenal sebagai laluan dadah dan aktiviti mafia yang berbahaya. Walaupun bahaya namun Anita kuatkan semangat dan memberanikan dirinya kerana negara-negara Amerika Tengah merupakan tempat yang paling unik, menarik, dan berwarna-warni. Dia tidak mahu melepaskan peluang tersebut dengan berpegang kepada prinsip di bawah;

***“you’ll never know unless you try”***

Empat buah benua telah direntasnya iaitu benua Amerika Utara, Amerika Selatan, Eropah dan Asia serta 40 buah negara menjadi pilihan laluan kembaranya. Namun, realitinya perkara yang dirancang awal tidaklah diikuti 100 peratus kerana kadangkala disebabkan oleh masalah cuaca, bencana alam, dan demonstrasi jalanan menyebabkan dia terpaksa mengubah laluan. Dengan kata lain, laluan yang dirancang adalah fleksibel dan tertakluk kepada perubahan. Semangat dan keputusan yang diambil oleh Anita boleh kita jadikan panduan dalam kehidupan seharian terutama ketika dilanda musibah COVID-19 ini. Setiap perancangan awal yang telah dibuat pada asalnya perlu disesuaikan dengan keadaan semasa seperti dalam konteks di tempat kerja, bagi

penganjuran sesuatu program yang tidak boleh dijalankan secara bersemuka perlu diubah kepada penganjuran secara maya.

## **Merangka Belanjawan**

Anita merangka perbelanjaan dengan cara paling berhemah dan membuat perancangan dengan teliti bukan sahaja ketika di jalanan tetapi juga keperluan dan perbelanjaan yang wajib dilunaskan di tempat tinggalnya di Malaysia. Perbelanjaan paling besar adalah dari aspek bayaran kargo dan minyak petrol motosikal. Ini adalah kerana beliau perlu beberapa kali menyeberang lautan dan kos petrol di luar negara adalah jauh lebih mahal dari Malaysia. Namun, bagi hal-hal lain dia berjimat cermat semaksimum mungkin seperti menginap secara percuma di rumah kenalan, rumah *host*, rumah staf Kedutaan Malaysia, berkhemah atau membayar caj penginapan yang paling rendah sama ada di hostel atau rumah tumpangan. Untuk makan dan minum pula, boleh dikatakan beliau memasak sendiri hampir setiap masa.

Pengajaran yang boleh diambil dalam situasi yang sukar ini ialah kita juga perlu berjimat cermat lebih-lebih lagi bagi golongan yang terjejas dari segi pendapatan atau mungkin ada yang telah diberhentikan kerja ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19. Berbelanjalah dengan berhemah dan untuk perkara yang amat perlu sahaja bagi menjamin kelangsungan hidup dalam masa kita tidak bebas bergerak termasuk untuk mencari pendapatan ini. Kadang kala kita juga perlu berani mengambil keputusan yang lain dari kebiasaan untuk mencapai sesuatu matlamat atau kejayaan dalam hidup.

## **Pengembaraan Bermula: Amerika Syarikat**

Anita menceritakan segala cabaran dan rintangan yang dihadapinya yang dua kali hampir tertinggal kapal terbang salah satu daripadanya ialah ketika di Lapangan Terbang Ho Chi Minh City ke Tokyo Narita dan kali ke tiga benar-benar dia tertinggal kapal terbang dari Lapangan Terbang Tokyo ke Alaska. Ini disebabkan oleh kecuaiannya dan kealpaannya sendiri yang tidak sepatutnya berlaku. Selain daripada itu digambarkan juga kesukaran yang dihadapi ketika berada dalam keadaan cuaca yang sejuk dengan segala kekurangan kerana kebanyakannya beliau tidur di dalam khemah sahaja.

Semangat kental yang dimiliki oleh Anita amat luar biasa sekali dan tidak ramai yang sanggup bersusah payah sepertinya. Namun begitu beliau juga beruntung kerana ramai juga kenalan, kebanyakannya dikenali melalui media sosial dan mempunyai hobi yang serupa dengannya yang sanggup menjadi *host* menumpang Anita bermalam di rumah mereka.

Melalui catatan Anita dalam buku ini, pembaca mengetahui bahawa ketika di jalan raya penduduk Kanada amat berdisiplin dan mengamalkan cara pemanduan yang sangat berhemah. Andai papan tanda menyatakan bahawa had laju adalah 30 kmj, semua pemandu akan mematuhiya tidak kiralah dalam kawasan bandar atau di tempat terpencil sekali pun. Tiada sesiapa yang terlihat melanggar peraturan jalan raya, satu situasi yang jauh berbeza jika dibandingkan dengan negara kita Malaysia.

### **Keindahan Alam Ciptaan Allah SWT**

Anita melakarkan pengalaman sepanjang pengembaraannya di Seattle, Kanada, Alaska yang sarat dengan pelbagai dugaan dan rintangan seperti terpaksa berhadapan dengan cuaca yang teramat sejuk dan lintasan binatang liar seperti beruang dan harimau. Selain itu beliau juga menggambarkan keindahan alam ciptaan Allah SWT sepanjang pengembaraannya dengan pemandangan yang indah-indah seperti Glasier Salmon yang merupakan glasier terbesar di dunia yang boleh diakses melalui jalan raya.

#### ***“Subhanallah... cantiknyaaa,”***

*“Sesungguhnya, tiada kata secantik bahasa untuk menggambarkan panorama glasier yang sungguh memukau ini. Ditambah pula dengan sinaran mentari yang menaikkan lagi seri glasier sehingga aku berasa bahawa inilah glasier tercantik yang pernah aku lihat setakat ini”.*

Anita menggambarkan keindahan alam semula jadi sepanjang perjalanan kembali ke Amerika Syarikat dari Kanada dengan pemandangan di sepanjang persisiran pantai California yang ternyata lebih mengagumkan serta sungai, bukit bukau, tasik dan pelbagai panorama yang indah. Digambarkan juga pemandangan di Tajikistan dengan gunung-ganang berbalam-balam yang berwarna coklat dan kelabu kehitaman. Yang paling unik adalah rumput-rumput yang berwarna merah yang pada awalnya disangkakannya bunga di sebuah kawasan yang dilaluinya. Penulis juga menceritakan panorama Sungai Colorado berwarna hijau pucat dan dihiasi tebing yang unik formasi batuanya serta kekagumannya melihat hakisan yang mengukir tebing yang berpunca dari aliran Sungai Colorado selama 1.2 bilion tahun.

### **Amerika Syarikat: Perjalanan Diteruskan**

Di Amerika Syarikat, penulis menggambarkan bandar raya besar dan sibuk dengan kenderaan yang laju ibarat pelesit kota yang bukan menjadi pilihannya untuk disinggahi. Namun, beliau menyatakan bahawa tujuannya ke sana adalah untuk memenuhi undangan seorang rakyat Malaysia yang telah lama berhijrah ke Amerika Syarikat. Beliau mengenali Pon yang lebih popular dengan gelaran

Joyah Vegas (JV) melalui bekas anak muridnya iaitu pemain boling terkemuka, Shalin Zulkifli yang juga pernah menumpang tinggal di rumahnya.

Penulis menceritakan perasaan teramat kagumnya dengan JV yang pada asalnya orang kampung yang miskin dan tiada kelulusan tinggi melangit, namun kini bergelar usahawan berjaya yang memiliki rangkaian *vacation rental* mewah di sekitar Las Vegas. Perbezaan antara Anita dan JV menyedarkannya bahawa semua orang berlainan cita rasa dan itulah yang menjadikan kita semua unik sebenarnya. Pengajaran yang boleh diambil di sini ialah, walaupun dalam keadaan yang sangat sibuk tetapi Anita tetap menjaga silaturrahim sesama manusia.

## Kesimpulan

Buku tulisan Anita Yusof ini sangat baik dibaca kerana sarat dengan pengajaran tambahan pula penceritaannya digarap dengan begitu mudah difahami dan santai sekali. Dapat disimpulkan bahawa tiada jalan mudah untuk mencapai kejayaan. Dalam segala kepayahan yang kita tempuhi terutamanya ketika PKP akibat penularan COVID-19 ini kita tidak boleh berputus asa dan mengeluh sahaja kerana setiap yang berlaku pasti ada hikmah yang tidak diketahui oleh manusia. Dalam setiap keadaan kita perlu mencuba dengan yakin kerana kita tidak tahu apa yang akan berlaku sebelum mencubanya. Namun begitu untuk mencapai sesuatu kejayaan perlulah didahului dengan perancangan yang sistematik dengan mengambil segala perkiraan persekitaran semasa dan akan datang. Selain daripada itu orang yang berjaya akan terus memandang ke hadapan dan sanggup memaafkan dan melupakan kesalahan orang lain terhadapnya. Barulah fikiran akan tenang dan boleh fokus terhadap kejayaan yang ingin dicapai. Penulis juga menekankan tentang pentingnya restu seorang ibu kerana doa ibu tiada hijabnya di sisi Allah SWT. Akhir sekali kita perlu sentiasa yakin dan percaya dengan rezeki dan ketentuan Allah SWT.



## Quran Saintifik

Dr. Ismail bin Mohamed  
(IPG Kampus Tawau)



Pengarang: Dato' Dr. Danial Zainal Abidin

Penerbit : PTS Publications

Tahun : 2009

### Pendahuluan

Dalam sejarah perkembangan bidang sains terutamanya di Barat pada Zaman Renaissance, bidang sains telah dipisahkan terus daripada aspek ketuhanan. Walau bagaimanapun, berbeza dengan Islam yang umatnya sentiasa diminta berfikir tentang kejadian alam dan kejadian manusia. Buku ini mengupas bagaimana ayat-ayat dalam al-Quran adalah selari dengan penemuan-penemuan sains moden yang telah terbukti benar. Al-Quran yang telah diturunkan 1400 tahun dahulu kepada seorang lelaki yang tidak tahu membaca bernama Muhammad (Rasulullah SAW) merupakan ayat-ayat daripada Allah SWT sendiri dan bukannya karangan Muhammad. Banyak ayat yang begitu saintifik sifatnya yang tidak boleh diceritakan oleh manusia pada masa itu apatah lagi oleh seorang lelaki yang tidak boleh membaca. Penulis mengupas beberapa ayat yang begitu terperinci tentang kejadian manusia, dan sains moden telah berjaya membuktikan bahawa apa yang diceritakan dalam al-Quran adalah benar.

### Islam sangat berkaitan dan selaras dengan bidang sains.

Buku ini dibahagikan kepada lima bahagian utama. Cara penulisan tajuk-tajuk kecil dalam buku ini agak menarik kerana setiap tajuk kecil diberikan nombor bab. Walau bagaimanapun senarai isi kandungan tidak selari dengan

penomboran bab ini menyebabkan agak sukar mengaitkan cara penulisan tajuk dalam teks dan senarai isi kandungan. Perbincangan dalam setiap bahagian adalah sangat berkaitan antara satu sama lain hingga membolehkan pembaca memahami kandungan perbincangan secara holistik dan analitik.

Bahagian 4: Tujuan dan Matlamat Hidup Manusia adalah merupakan satu tajuk yang sangat berkait dengan fenomena wabak COVID-19 yang sedang melanda Malaysia dan seluruh dunia. Dalam beberapa bab, penulis mengupas kenapa Islam mengharamkan beberapa jenis makanan dan kenapa amalan kebersihan dalam Islam akan menghindarkan manusia (bukan orang Islam sahaja) daripada wabak-wabak penyakit berbahaya. Jika kita membaca dengan teliti keseluruhan buku ini, kita akan dapat memahami bahawa Islam adalah sangat berkaitan dan selaras dengan bidang sains. Walaupun begitu, penulis meminta pembaca berhati-hati dalam mengaitkan sains dan Islam. Menurut penulis dalam prakatanya,

*Bagi saya, sains bukannya agama. Ia hanyalah alat yang sepatutnya tunduk mengikut kehendak agama. Ia tidak sepatutnya digunakan, sebagai contoh, bagi mengenal pasti kebaikan arak selepas agama mengharamkannya. Sebaliknya rahsia-rahsia di sebalik pengharaman arak.”(ms. viii)*

## **Cemerlang dengan Menguasai Dua Ayat**

Syukur kepada Allah kerana buku ini telah dapat menjelaskan prasyarat untuk kita memahami hubung kait antara sains dan Islam. Dua ayat yang dimaksudkan dalam bahagian ini adalah ayat-ayat dalam al-Quran dan keduanya adalah tanda-tanda yang terdapat pada kejadian alam semesta, bumi, manusia dan makhluk-makhluk lain. Bahagian ini menjelaskan bagaimana ayat-ayat dalam al-Quran menggalakkan manusia berfikir dan membuat kajian tentang segala aspek kehidupan. Salah satu contoh yang dikemukakan ialah ayat 2:190-191 yang bermaksud;

*“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi serta silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi ulul-albab. (Iaitu) orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri, duduk ataupun dalam keadaan berbaring dan mereka banyak berfikir tentang penciptaan langit dan bumi, serta kemudian berkata, ‘Wahai Tuhan kami, kamu tidak menciptakan ini dengan sia-sia, maha suci engkau, maka peliharalah kami daripada seksa neraka’”. (ms. 6)*

Penulis juga menjelaskan kepentingan bukti dan dalil dalam menjelaskan sesuatu perkara sebagaimana yang ditunjukkan dalam al-Quran. Al-Quran

sebenarnya memberikan kelebihan kepada umat Islam agar mempunyai pemahaman yang betul tentang kejadian dan fenomena alam. Bukti dan dalil yang diperolehi oleh sains seharusnya menguatkan lagi konsep tauhid terhadap Allah dan bukti bahawa Allah itulah sebenarnya pencipta alam semesta dan segala isinya dan Dia yang mengatur segalanya, bukan secara kebetulan.

Wabak COVID-19 yang berlaku sekarang juga bukan satu kejadian kebetulan tetapi sesungguhnya telah diatur oleh Allah SWT. Bagi *ulul-albab*, wabak ini menjadi satu hikmah yang baik untuk umat Islam kerana apa-apa yang diajar dalam Islam sebenarnya sangat berguna dalam menangani wabak ini, sebagai contoh ajaran tentang kawalan pergerakan manusia antara kawasan yang terkena wabak penyakit. Ternyata ajaran Islam adalah selari dengan pengetahuan sains.

### **Permulaan Alam Semesta adalah Permulaan Segala-galanya**

Bahagian 2 buku ini sangat menarik untuk dibaca kerana ia banyak mengaitkan ayat-ayat al-Quran dengan penemuan sains astronomi tentang kejadian bumi dan alam semesta. Terlalu banyak penemuan sains yang berkaitan dengan ayat al-Quran untuk dibincangkan dalam artukel yang pendek ini. Beberapa penemuan yang utama ialah tentang teori *Big Bang* yang sukar disangkal oleh ahli sains hari ini telah dinyatakan dalam ayat 30 Surah *al-Anbiyak*; asal kejadian alam semesta daripada gumpalan asap raksasa yang dinyatakan dalam ayat 11 Surah *Fussilat*; Kejadian *Black holes* yang dikaitkan dengan tafsiran ayat 75 dan 76 Surah *al-Waqiah*; dan banyak lagi.

Timbul kekaguman yang sangat tinggi apabila dapat mengaitkan ayat-ayat al-Quran tentang alam semesta dengan penemuan-penemuan sains terkini yang langsung tidak diketahui semasa ayat-ayat al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dahulu. Kekaguman ini juga telah menyebabkan beberapa ahli sains bukan Islam mengakui bahawa kebenaran al-Quran datang daripada pencipta sebenar alam semesta. Sebagai contoh, penulis melaporkan bahawa Profesor Yoshihide Kozai daripada Universiti Tokyo setelah ditunjukkan ayat-ayat al-Quran berkaitan kejadian alam semesta, telah menyatakan seolah-olah ayat-ayat tersebut diceritakan oleh seseorang yang telah melihat kejadian alam di peringkat tertinggi dan mengakui fenomena yang diceritakan memang dibuktikan benar-benar berlaku hasil penemuan-penemuan sains terkini.

Penulis bukan sahaja menceritakan penemuan-penemuan sains yang selari dengan ayat al-Quran, tetapi turut membandingkan penceritaan kejadian alam yang disebut dalam Bible dan tamadun awal manusia. Penulis membahaskan penggunaan istilah dalam Bahasa Arab dengan lebih tepat yang telah digunakan dalam al-Quran bagi menggambarkan sesuatu konsep, berbanding istilah dan

konsep yang digunakan dalam Bible atau teori awal kejadian alam. Antara perbincangan yang menarik adalah berkenaan kejadian alam dalam masa 6 hari.

## **Manusia dan Asal Usulnya**

Kejadian yang paling hampir dengan manusia ialah kejadian diri mereka sendiri. Ayat-ayat berkenaan kejadian manusia bermula dengan Nabi Adam, keturunan-keturunannya, perkara yang berlaku dalam rahim ibu dan banyak lagi telah dibuktikan benar melalui penemuan-penemuan sains moden. Seperti di bahagian 2, dalam bahagian 3 buku ini, penulis turut membahaskan teori-teori kejadian manusia yang dipelopori oleh saintis awal dan dalam Bible yang bercanggah dengan penemuan sains terkini, termasuklah Teori Evolusi Darwin. Penulis turut memetik kata-kata Profesor Keith L. Moore, pakar dalam bidang anatomi daripada Universiti Toronto, Kanada yang sangat menarik untuk saya kongsi disini iaitu,

*“Saya gembira kerana berpeluang terlibat dengan usaha bagi menjelaskan maksud ayat-ayat Quran yang berkaitan dengan pertumbuhan manusia. Bagi saya, kenyataan-kenyataan ini menunjukkan ia datang dari Tuhan disebabkan ilmu-ilmu ini tidak diketahui hingga beberapa abad selepas itu. Ini membuktikan, Muhammad adalah seorang Utusan Tuhan”.*  
(ms. 105)

## **Tujuan dan Matlamat Hidup Manusia**

Bahagian 4 ini adalah bahagian paling panjang dalam buku ini. Penulis membincangkan hikmah di sebalik hukum syariat Islam seperti hukum pergaulan lelaki dan perempuan, hukum halal dan haram makanan, penjagaan kesihatan, serta hikmah di sebalik amalan ibadah dalam Islam. Bagi setiap bab yang dibincangkan, penulis mengemukakan ayat al-Quran atau hadis yang berkaitan dan seterusnya disokong dengan penemuan saintifik tentang kebaikan atau keburukan sesuatu perkara.

Bab yang sangat berkaitan dengan wabak COVID-19 yang sedang dihadapi oleh dunia sekarang ialah bab pengharaman daging khinzir dan daging haiwan liar yang menjadi punca kejadian virus-virus baharu. Buku ini mengemukakan banyak penemuan sains yang menunjukkan bahawa tubuh khinzir bukan sahaja menjadi perumah kepada sekurang-kurangnya 23 penyakit, malah ia turut menjadi tabung kepada pembentukan virus-virus baharu yang berbahaya kepada manusia tanpa menjejaskan kesihatan khinzir itu sendiri. Selain itu, penulis juga mengemukakan beberapa makanan untuk meningkatkan keupayaan tubuh melawan penyakit dan penggunaan tanah sebagai bahan anti kuman.

## Kesimpulan

Buku ini sangat baik untuk dibaca oleh orang Islam yang ingin memahami kenapa mereka perlu menguasai bidang sains dan kaitannya dengan ketauhidan kepada Allah. Kepada ilmuan Islam, buku ini dapat memberikan kesedaran bahawa penerokaan ilmu sains adalah sangat penting untuk memahami al-Quran. Buku ini memberikan sedikit sebanyak ilmu berkaitan sains kepada para asatizah yang sebelum ini kurang didedahkan kepada ilmu sains di peringkat sekolah. Kepada yang bukan Islam tetapi berminat untuk mengetahui tentang al-Quran, buku ini boleh menjadi satu bahan bacaan awal untuk mengenal kebenaran yang dinyatakan dalam al-Quran.

Walaupun banyak penemuan sains telah dikemukakan dalam buku ini untuk menjelaskan tentang ayat-ayat dalam al-Quran, namun masih banyak lagi ayat berkaitan sains yang tidak disentuh oleh penulis buku ini. Penulis mempunyai latar belakang pengajian dalam bidang perubatan, sudah tentu fakta-fakta sains dan al-Quran berkaitan manusia menjadi tumpuan beliau semasa menulis buku ini. Antara bidang sains yang tidak disentuh oleh penulis buku ini ialah tentang fenomena alam seperti bidang geologi, bidang hidrologi, dan bidang pertanian . Buku ini menjadi pemangkin kepada penulisan lain yang boleh mengaitkan ayat-ayat al-Quran dengan bidang-bidang sains yang lain.


Adalah diharapkan buku ini boleh menjadi pemangkin kepada minat yang mendalam terhadap sains dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah. Untuk itu, adalah digalakkan pelajar-pelajar sekolah menjadikan buku ini sebagai satu bahan bacaan wajib dalam mata pelajaran sains atau mata pelajaran lain. Selamat menimba ilmu menerusi pembacaan.

## Bibliografi

- Danial Zainal Abidin. (2009). *Quran Sainifik*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Howell, E. (2017, November 7). *What is the Big Bang Theory?* Retrieved April 14, 2020, from Space.com: <https://www.space.com/25126-big-bang-theory.html>.
- Ibrahim, I. A. (1996). *The Quran on embryonic development*. Retrieved April 14, 2020, from Islam Guide Home: <https://www.islam-guide.com/ch1-1-a.htm>
- Muslimconverts.com. (2000). *Some Qur'aanic Verses & Astronomical discoveries*. Retrieved April 14, 2000, from Muslim Converts. com: <https://muslimconverts.com/islam-and-science/Astronomy.html>.



*Apakah mereka tidak melihat kepada unta  
bagaimana ia diciptakan. Dan langit bagaimana ia  
ditinggikan. Dan gunung-ganang bagaimana ia  
ditegakkan. Dan bumi bagaimana ia dihamparkan.  
Surah Al-Ghasiyah, Ayat 17-20*



*Sumber : Google*

## Sahabat Dunia Akhirat

Dr. Roslina binti Suratnu  
(IPG Kampus Bahasa Melayu)



Pengarang : Ustazah Asma' Harun

Penerbit : Galeri Ilmu

Tahun : 2020

### Pendahuluan

Buku bertajuk Sahabat Dunia Akhirat karya Ustazah Asma' Harun ini mengandungi 179 halaman, padat dengan nasihat-nasihat kepada individu atau sahabat yang dilanda ujian agar semakin bertambah iman dan amal kepada Allah SWT. Buku ini mempunyai pelbagai grafik yang menarik dan berwarna-warni serta tulisan yang perbagai bentuk dan saiz. Setiap satu daripada 47 bab yang terdapat dalam buku ini mengandungi beberapa potong ayat al-Quran atau hadis nabi untuk menguatkan hujah. Tujuan utama buku ini dikarang adalah semata-mata untuk mendekatkan diri pengarang, pembaca dan masyarakat kepada Allah SWT. Oleh itu, penulisan bab demi bab di dalam buku ini banyak mengajak pembaca kembali kepada Allah sehinggalah di akhir bab pengarang telah mengungkapkan kata-kata;

*“Di dunia ini kita bertemu, di syurga Allah kita bersatu”.*

### Pentingnya mempunyai sahabat dunia dan akhirat

Pada awal bab, pengarang mengingatkan pembaca sekiranya telah bertemu sahabat dunia akhirat, jangan lepaskan, peganglah kuat-kuat. Jika belum



Maha Melihat dan Maha Memberi. Maka kurangkan mengeluh dan mengadulah kepadaNya.

Demikian jugalah apabila diuji dengan wabak COVID-19, sebagai seorang Islam yang percaya kepada qada' dan qadar Allah, maka kita wajib percaya bahawa setiap ujian yang datang adalah untuk menguji tahap keimanan kita. Kita selaku hamba perlu berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT. Di fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini pula, sewajarnya kita perlu bermuhasabah diri untuk memperbaiki segala kesilapan lalu yang dilakukan secara sedar atau tidak. Kita perlu kembali kepada Allah, memohon keampunan dan pertolongan agar wabak COVID-19 ini segera hilang. Pergantungan yang tinggi kepada Allah SWT akan menyebabkan hati menjadi tenang dan tidak merasa gelisah ketika berhadapan dengan wabak COVID-19, lebih-lebih lagi apabila tempoh PKP semakin dipanjangkan dari semasa ke semasa. Walaupun pergerakan terbatas, kita masih boleh menggunakan kesempatan waktu ini untuk memperbaiki dan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan, mengemas rumah, mencuba menu-menu masakan, menggandakan ibadat sunat dan fardhu atau aktiviti-aktiviti lain yang bersesuaian.

### **Hidup dengan Rasa Bertuhan**

Pengarang mengulas isu ini di dalam bab ke-16 dengan membawa satu contoh analogi tentang kealpaan kita untuk membaca Bismillah ketika menghidupkan kereta. Apabila suatu hari tiba-tiba kereta gagal untuk dihidupkan, kita akan berkali-kali membaca Bismillah, malah ditambah lagi dengan selawat, istighfar, dan doa-doa lain supaya Allah membantu menghidupkan kereta tersebut. Begitu juga ketika kita hampir kehabisan minyak kereta di pertengahan jalan, mulut tanpa henti menyebut istighfar sambil berdoa mengharapkan bantuan Allah. Sedangkan sebelum itu kita begitu yakin menekan padel minyak dan terlupa menyebut nama-Nya. Pengarang mengatakan bahawa Allah Maha Baik, tetap melayan kita walaupun hanya mencari-Nya pada saat kita terdesak.

Di dalam buku ini juga menyeru agar kita senantiasa membersihkan hati dengan memaafkan dan berbaik sangka dengan orang lain kerana hati yang dipandang Allah SWT, bukan paras rupa atau penampilan. Hidup sebenar adalah di syurga, usah leka dan tertipu dengan dunia dan usah lelah dengan ujian. Pengarang mengajak pembaca supaya berubah dengan cara merubah solatnya. Solatlah dengan tenang bermula daripada mengambil wuduk sehinggalah selesai solat. Pasti hidup akan tenang dan bahagia kerana ketika solat, kita sedang berbicara dengan Allah SWT. Mohonlah apa jua, pasti akan diperkenankan oleh-Nya.

Pengarang juga mengajak pembaca supaya memperbanyakkan tasbih, tahmid, takbir dan tahlil, menutup malam dengan membaca Surah al-Mulk dan ayat 3

Qul serta menjadi ahli tahajud. Semua ini akan menjadikan diri kita lebih dekat dengan Allah dan merasa cukup tanpa membanding diri dengan orang lain. Pengarang juga menyeru pembaca supaya memperbanyakkan amal sebagai bekal ke negeri abadi. Namun, tidak lupa juga supaya memenuhi hajat saudara yang lain melalui kisah tauladan yang dibawa di dalam buku ini iaitu ‘keluarnya Ibnu ‘Abbas daripada iktikafnya untuk memenuhi hajat orang Islam’.

Bertepatan dengan isu COVID-19, apabila arahan PKP dikeluarkan oleh pihak kerajaan bagi membendung penularan wabak ini, semua orang terkesan terutama golongan yang kurang berkemampuan. Selagi wabak ini belum dapat diatasi, sudah pasti arahan PKP akan dilanjutkan. Sudah pasti golongan yang kurang berkemampuan ini akan bermasalah untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka. Pada waktu inilah, golongan yang berkemampuan perlu tampil ke hadapan bersama-sama pihak kerajaan untuk membantu mereka yang memerlukan. Yakinlah dengan janji Allah bahawa Allah akan menggantikannya semula dengan ganjaran paling sedikit iaitu 10 kali ganda pahala manakala paling banyak adalah 700 kali ganda seperti firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 261 yang bermaksud:

*“Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya”.*

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, buku ini sangat sesuai dihadiahkan kepada rakan taulan dan sahabat handai. Ia juga sesuai untuk dijadikan bahan bacaan umum atau sebagai bahan bacaan untuk kumpulan-kumpulan usrah. Ini kerana buku ini mengandungi 47 topik yang sesuai untuk dibincangkan. 47 topik ini sangat dekat dengan diri kita dan sesuai untuk muhasabah diri. Melalui topik-topik inilah pengarang cuba menarik perhatian pembaca supaya semakin dekat dengan Allah dalam apa jua urusan kerana pengakhiran hidup adalah mati. Pengarang mengingatkan pembaca bahawa sedikit sekali orang merancang, berusaha dan berkorban untuk masa depan di akhirat sedangkan itulah yang hakiki dan kekal abadi. Harapan pengarang pada akhir buku ini agar semua



## Debu-Debu Di Batu Arang

Dr. Nazariyah binti Sani  
(IPG Kampus Pendidikan Islam)



Pengarang: Murad Arsad

Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka

Tahun: 2017

### Pendahuluan

Novel ini berlatarkan kehidupan rakyat Tanah Melayu zaman penjajahan Inggeris dan Jepun. Zaman ini merupakan era Revolusi Industri 1 dan amat berbeza dengan latar kehidupan rakyat Malaysia pada tahun 2020 ini yang berada di era Revolusi Industri 4.0. Bermula pada Mac 2020, rakyat Malaysia berhadapan dengan era penularan COVID-19 bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia.

Novel berunsur sejarah kategori remaja ini memaparkan kerakusan manusia merebut anugerah Allah SWT di muka bumi iaitu arang batu, perjuangan rakyat Tanah Melayu zaman penjajahan Inggeris dan Jepun untuk hidup. Turut diperlihatkan kesengsaraan hidup rakyat pada zaman perang untuk mendapat hak yang sewajarnya daripada penjajah dan mempertahankan hak milik bumi sendiri daripada dirampas. Penularan COVID-19 juga berpunca daripada kerakusan manusia dalam mentadbir alam ini. Pelbagai penyakit menular berpunca daripada hati yang tidak suci dan fizikal yang tidak bersih.

## Penemuan

Penemuan hasil bumi anugerah Allah iaitu arang batu di Kampung Rantau Panjang seawal tahun 1908 oleh Haji Hadi dan Ismail Kerbau secara tidak sengaja, mengundang konflik antara beberapa individu. Mereka ialah John Archibald seorang jurutera di Straits Trading Company Jalan Pasar Kuala Lumpur berasal dari England tetapi fasih berbahasa Melayu, Kantonis dan Hokkien, Coates pegawai daerah Hulu Selangor, Loke Yew dan rakan sekutu yang menjalankan perniagaan, Ismail Kerbau yang penuh angan-angan seperti Mat Jenin.

John Archibald mendapat tahu Haji Hadi terjumpa batu arang sewaktu singgah di rumah beliau bersama Ismail Kerbau untuk meminta sedikit air minuman. Dari peristiwa itu, John terus memasang angan-angan untuk mengaut kekayaan dari anugerah semulajadi bumi Tanah Melayu tersebut tetapi gagal. Sebaliknya, penularan COVID-19 pada tahun 2020 ini mengundang konflik, mengancam keselamatan dan ekonomi dunia merudum. COVID-19 juga dari sudut positif merupakan anugerah Allah kepada manusia yang alpa agar mereka kembali muhasabah diri dan merenung hikmah musibah ini.

## Perjuangan

Novel remaja ini turut mengisahkan suka duka perjuangan kehidupan Haji Hadi dan isteri beliau Hajah Umi yang menyara kehidupan dengan mencari rotan di hutan. Sahabat mereka Kassim Kerbau pula sekadar menjadi broker tanah dan sekali-sekala menemani Haji Hadi mencari rotan di hutan. Latar pengembaraan Haji Hadi dan Kassim Kerbau mencari rotan di belantara dalam misi mencari sesuap nasi untuk keluarga digambarkan penulis secara terperinci menerusi catatan berikut;

*“keringat yang mengalir kerana kepayahan mengayuh basikal, bahang panas yang mem bakar tubuh, pohon besar untuk teduhan, bukit kecil tempat menyandar apabila kepenatan...”*.  
(ms 12-13)

Perjuangan rakyat Malaysia dan dunia dalam menghadapi serangan Corona Virus ini lebih getir daripada perjuangan Haji Hadi kerana vaksin yang belum ditemui. Beribu-ribu jiwa menjadi korban kerana kurangnya pelan pengurusan risiko dalam mendepani musibah ini. Segala aktiviti ekonomi terhenti sementara yang menyebabkan ramai dalam kalangan rakyat yang hilang pekerjaan untuk menyara keluarga.



## **Pesanan**

Novel ini banyak meninggalkan pesan yang baik. Oleh itu diharapkan remaja yang membaca novel ini membesar dengan peribadi yang baik seperti watak dalam novel ini sepenuhnya ataupun sebahagian darinya. Begitu juga ketika COVID-19 ini, kita semua perlu sentiasa saling berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran seperti maksud ayat Surah Al-Asr.

*“Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian, kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh. Dan mereka yang berpesan-pesan dengan kebenaran. Dan mereka yang berpesan-pesan dengan kesabaran”.*

## **Rumusan**

Novel Debu-Debu di Batu Arang menceritakan bagaimana pengarang mencuba untuk mencapai tujuannya sendiri melalui penulisan novel ini dari sudut pandang tertentu. Aspek-aspek cerita, *setting* karakter utama seperti Haji Hadi, Kassim Kerbau dan John di pejabat dan di rumah serta semua karakter dilukis secara tersendiri tetapi menarik.


Novel ini membantu pembaca berfikir secara kritis dari sudut sejarah. Begitu juga dengan memperhatikan setiap elemen yang berkembang dalam buku ini dapat membantu para pembaca untuk menambah informasi baharu terhadap aliran kehidupan zaman penjajahan dan zaman hari ini.



Sumber : Google

## Khalifah Umar Ibnu Abdul Aziz Imam yang Adil

Mahawa binti Pilus  
(IPG Kampus Pendidikan Islam)



Pengarang : Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri

Penerbit : Darul Syakir Enterprise

Tahun : 2010

### Pendahuluan

Buku ini amat sesuai dibaca oleh sesiapa sahaja terutama para pemimpin atau pentadbir. Banyak ilmu dan contoh teladan yang boleh dikutip dari pembacaan buku ini. Buku yang mengandungi 13 bab ringkas ini membincangkan tiga perkara utama berkaitan kepimpinan. Bab pertama sehingga bab ke-5 merupakan bab pengenalan yang berkisar tentang nasab keturunan, sejarah ketika kanak-kanak, Umar bersama-sama murid-muridnya dan turut menyentuh kisah kesolehan ibu bapa serta pendidikan yang diterimanya. Bab ke-6 sehingga bab ke-11 berkisar tentang pelantikannya sebagai khalifah, rentetan peristiwa yang tidak terduga yang menjadi sejarah iaitu bagaimana Allah SWT mengangkat Umar ke tampuk pemerintahan negara. Dalam enam bab ini juga dikisahkan pemerintahan Umar sebagai khalifah yang berkaliber antaranya ucapannya yang amat berkesan dan keperibadiannya yang sangat unggul serta diceritakan juga tentang pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh beliau. Dua bab terakhir iaitu bab ke-12 dan bab ke-13 pula mengisahkan ikhtibar daripada kejayaan pemerintahan Umar yang dirumuskan dalam tujuh isi penting.

## **Manusia Mengikuti Agama Raja Masing-Masing**

Bab 13 buku ini menceritakan tentang kekuatan Umar dalam beribadat sehingga sangat terkenal dengan tahajud dan ibadat puasanya yang menjadi ikutan rakyatnya.

*“manusia mengikuti agama raja masing-masing”.*

Ekoran daripada penularan COVID-19 di seluruh dunia, kita diajak untuk menunaikan solat hajat serentak di rumah masing-masing dengan contoh teladan yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin negara melalui media sosial. Televisyen juga berperanan menyiarkan Menteri Agama menyampaikan taklimat dan memberikan bimbingan pelaksanaan solat hajat kepada rakyat, memohon dihapuskan bala penyakit berjangkit ini, bimbingan solat terawih, solat hari raya dan banyak ibadat lain melalui penyampaian secara maya.

Ini menunjukkan bahawa pimpinan negara ini membawa rakyatnya kembali kepada yang Maha Pencipta untuk menangani krisis Pandemik COVID-19. Ini adalah selari dengan perlakuan Umar ketika menjadi khalifah, walaupun pemimpin kita tidak sehebat Umar, tetapi dari buku ini kita dapat mengutip iktibar bahawa Umar selaku pemimpin sentiasa kuat dengan ibadahnya. Kita mendapati berkali-kali diulang siar rakaman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin membaca doa dengan penuh sayu memohon Allah melepaskan negara ini daripada wabak Corona Virus. Keperibadian pemimpin ini dapat kita jadikan contoh bahawa kita perlu kembali kepada Pencipta dan segala yang ditakdirkan kepada kita ada hikmah besar yang menanti di sebaliknya.

## **Menjenguk Keperluan Rakyat**

Sejarah menukilkan bahawa dalam pemerintahan Umar, beliau sangat rajin turun padang menjenguk keadaan dan permasalahan rakyat. Kisah beliau mendengar perbualan ibu dan anak yang berbicara tentang kuantiti susu yang hendak dijual dan keenganan si anak untuk mencampurkan air dengan susu menunjukkan beliau seorang pemimpin yang sentiasa peka terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyatnya. Dalam situasi COVID-19 rakyat Malaysia menyaksikan Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agung Sultan Abdullah sanggup memotong elaun baginda selama enam bulan bagi membantu meringankan bebanan kewangan kerajaan yang terpaksa menanggung kos yang tinggi bagi membantu rakyat yang dalam kesusahan. Tindakan baginda ini sangat dialu-alukan kerana apabila melihat Umar begitu prihatin terhadap rakyatnya, maka kita juga mempunyai pemimpin yang juga bersikap prihatin.

Keperibadian Umar ini boleh menjadi ikutan kepada umat Islam yang menjadi pemimpin negara. Khalifah Umar senantiasa berpesan dan menasihati tenteranya agar “*mengasihi orang lain*” dan tidak zalim terhadap musuh memberi kesan yang amat mendalam kepada pembaca. Pemimpin negara kita telah berusaha mencontohi kepimpinan Umar ketika berlakunya bencana wabak COVID-19. Bukan sahaja DYMM yang memotong elaun, malah semua menteri juga turut memotong elaun mereka untuk membantu kewangan negara membiayai kos merawat dan mengekang penularan penyakit ini. Ini juga salah satu daripada sifat mengasihi orang lain.

### **Tanggungjawab dan Amanah dalam Pentadbiran**

Umar hanya melantik orang yang bertanggungjawab dan amanah dalam pemerintahannya. Dalam suasana menghadapi COVID-19 tanpa kita sedari ramai orang yang amanah terhadap tugas dan tanggungjawab mereka. Setiap hari, petugas barisan hadapan seperti doktor dan kaki tangan perubatan bertungkus lumus merawat dan menguruskan pesakit positif COVID-19. Pihak Kementerian Kesihatan dan semua kakitangan mereka tidak menang tangan bekerja untuk merawat pesakit atau menyaring pesakit. Barisan hadapan yang lain seperti polis dan tentera juga bekerjasama untuk membantu menghalang penularan penyakit ini.

Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia, Dato’ Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah melaporkan perkembangan terkini penyakit ini setiap hari sehingga Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang memberikan khidmat terbaik kepada rakyatnya. Sehubungan itu, teladan kepimpinan daripada Umar yang dapat dicontohi ialah dengan memilih dan melantik orang yang mahir dan amanah dalam memikul tanggungjawab yang berat sebagai pemimpin negara terutama ketika negara menghadapi krisis kesihatan dan ekonomi ini. Keberkesanan pengurusan dan pentadbiran Umar dapat memberikan inspirasi kepada pemimpin negara. Pembaca yang membaca buku ini secara kritis juga akan memperoleh hikmah yang banyak berdasarkan kisah yang dipaparkan dalam buku ini.

### **Sistem Syura : Bersama-sama Menangani Masalah Negara**

Kecemasan, kekalutan, ketakutan, kebimbangan dan pelbagai rasa yang mencengkam jiwa dan rasa pemimpin serta seluruh rakyat negara ketika berhadapan dengan pandemik COVID-19 ini, bukan suatu cabaran yang boleh diambil mudah. Seluruh dunia bergelut dengan situasi ini. Jadi, segala permasalahan perlulah diatasi dengan bermesyuarah seperti maksud ayat al-Quran di bawah;

***Dan (bagi) orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhannya dan mendirikan solat, sedang urusan mereka (diputuskan) dengan mesyuarat antara mereka, mereka menafkahkan sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada mereka. (surah al-Syura: 38)***

Pada zaman pemerintahan Umar, urusan pentadbiran diadakan secara Syura atau bermesyuarah seperti yang dinyatakan dalam al-Quran kerana dengan mengadakan syura ini banyak masalah dapat diselesaikan dengan baik dan berhikmah. Perbincangan atau mesyuarat kerap dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan, polis, tentera, Jemaah Menteri dan pelbagai agensi lain yang bergabung tenaga serta fikiran bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa COVID-19. Rakyat turut serta membantu negara yang sedang dilanda bencana dengan bantuan derma daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang perseorangan serta syarikat-syarikat perniagaan. Jelas, situasi di atas menunjukkan bahawa dengan menangani masalah secara berkolaboratif membawa hasil yang sangat memberangsangkan dan Malaysia menjadi negara yang berjaya menangani kemelut ini dengan bijaksana sehingga pihak antarabangsa tunduk hormat dengan kejayaan kita.

## **Rumusan**

Melalui pembacaan buku ini, dari perspektif musim COVID-19, mengarahkan pemikiran saya untuk menggalurkan beberapa perkara penting tentang buku ini. Faktor utama yang menarik perhatian dan menjadikan kenapa buku ini perlu dibaca atau dibeli ialah kepimpinan Umar Abdul Aziz yang perlu diteladani oleh pemimpin negara terutama ketika negara dilanda pandemik COVID-19. Bagaimana Umar mentadbir urusan pemerintahan beliau perlu dikupas dan dibentangkan secara tuntas oleh pemimpin negara ini dan pemimpin perlu menggali mutiara yang terdapat dalam gaya kepimpinan beliau. Selain itu, neraca kuning keemasan dengan nama Umar Ibnu Abdul Aziz bersama-sama *tagline*, “Imam yang Adil” menjadikan daya tarikan kepada pembaca. Neraca emas bentuk tradisional adalah daya penarik utama yang membawa makna mendalam berkaitan dengan keadilan.

Nama Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang terpahat di kulit buku adalah satu nama yang besar dan boleh menggamit pembaca untuk membacanya. Penulis merupakan seorang penulis yang prolific dan telah menghasilkan banyak

penulisan berkaitan dengan sirah Nabi dan juga sahabat-sahabat baginda. Namun, gaya penceritaan buku ini agak kurang menarik dan hanya menyentuh di peringkat permukaan sahaja dan agak kurang memberi kesan kepada jiwa pembaca. Gaya bahasa yang digunakan pula agak ringkas dan mudah. Pengulas agak sukar menemui frasa dan kata-kata yang boleh menghunjam jiwa pembaca berbanding dengan ucapan Umar ketika diangkat menjadi pemimpin. Ini menyebabkan timbulnya rasa kurang puas apabila membaca sesuatu kisah kerana kisah tersebut hanya disentuh sepintas lalu oleh penulis.

## **Bibliografi**

Al-Quran Karim.

Hepi Andi Bostani. (2008). *Belajar dari dua Umar : Kenyangkan perut rakyat*. Anbakri Publika Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

*Umar Al-Aziz pernah mematikan lilin di istana kerana bimbang lilin itu disalahgunakan untuk hal peribadi*



*Sumber : Google*

## Bila Allah Menduga Kita

Dr. Zarina binti Ahmad  
(IPG Kampus Pendidikan Islam)



Pengarang : Syed Akwi Al-Atas

Penerbit : Mustread Sdn. Bhd

Tahun : 2013

### Pendahuluan

Buku “Bila Allah Menduga Kita” yang ditulis oleh Syed Alwi Al-Atas mengandungi tiga bab, iaitu Bab 1: Berprasangka Baiklah Pada Tuhanmu, Bab 2: Iman Terhadap Takdir, Bab 3: Agar Anda Selalu Menang. Kandungan buku ini berkisar tentang masalah dan ujian yang sentiasa dihadapi oleh setiap manusia atau insan dan cara mereka menangani masalah tersebut.

Penulis menjelaskan tentang konsep dugaan hidup yang kadang kala terlalu berat dan datang tanpa diduga. Pelbagai jenis dugaan yang diutarakan berserta contoh-contoh peristiwa yang boleh dijadikan pengajaran. Contoh peristiwa yang dikemukakan merupakan kisah benar berdasarkan pengalaman penulis. Penulis menjelaskan kepada pembaca tentang ujian yang bukan sahaja dalam bentuk dugaan tetapi juga dalam bentuk nikmat.

Selain itu, dalam penulisan buku ini disertakan beberapa firman Allah SWT bagi mengukuhkan penerangan dan memberikan analogi yang membolehkan pembaca berfikir untuk mengaitkan dengan perkara yang dibincangkan. Hal ini bermakna kita tidak tahu sama ada akan diberi nikmat atau dugaan pada satu-satu masa. Kita diingatkan oleh penulis supaya tidak bimbang dengan situasi yang akan berlaku sebab kita perlu menerima sesuatu yang berlaku dengan hati yang terbuka.

Begitu juga dengan musibah wabak COVID-19 yang melanda negara kita. Hal ini menunjukkan bahawa kita tidak tahu dan tidak boleh menjangkakan perkara yang akan berlaku pada diri kita dan orang lain. Sebagai insan yang beriman, kita perlu redha atas nikmat mahupun dugaan yang harus dihadapi pada satu-satu masa, terimalah qada' dan qadar Allah SWT seperti berikut;

*“ ... tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah kepada kami ...” (At-Taubah:51).*

## **Berprasangka Baiklah Pada Tuhanmu**

Penulis mengingatkan kita supaya sentiasa berprasangka baik kepada Allah SWT. Manusia dikatakan sering mengeluh apabila menghadapi situasi yang kurang menyenangkan. Ujian telah dianalogikan ubat walaupun pahit dan kita tidak suka tetapi perlu diambil supaya penyakit sembuh. Begitu juga dengan ujian yang perlu dihadapi untuk menjadi lebih baik. Keindahan pada ujian dilihat oleh seseorang dari sudut yang berbeza. Seorang yang cerdik atau bijaksana akan melihat ujian pada sudut positif. Kita perlu sabar dalam mengambil masa untuk mengenal sesuatu dan perlu melihat dengan mata hati, bukan dengan pandangan mata. Bersabarlah, meskipun anda menghadapi pelbagai persoalan hidup dan menghalangi jalan yang akan anda tempuhi.

*Sesungguhnya pertolongan akan datang setelah kesabaran, kelapangan akan datang setelah kesusahan, dan kemudahan akan datang setelah kesulitan (Aidh Abdullah Al-Qarni, 2013).*

Tiga perbuatan buruk yang tidak boleh diamalkan ialah berprasangka buruk, mencari-cari keburukan, dan memfitnah-Nya sekiranya berlaku sesuatu musibah. Terdapat beberapa contoh yang menunjukkan bahawa penyesalan tidak berguna kerana daripada satu masalah yang dihadapi akan menjadi dua masalah. Semua yang berlaku adalah takdir yang ditetapkan oleh Allah SWT dan tidak perlu bersedih tetapi bertenang kerana perkara telahpun berlaku dan masa tidak boleh diundur lagi. Dalam konteks wabak COVID-19, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada seluruh masyarakat Malaysia bagi membendung masalah ini daripada terus merebak. Situasi ini bertepatan dengan Surah Al-Baqarah:216 yang menyatakan bahawa;

*“boleh jadi kamu membenci sesuatu, pada hal ia amat baik bagimu...” Kita harus selalu melihat dan yakin bahawa di sebalik musibah terdapat ganti dan balasan daripada Allah yang akan selalu berakhir pada kebaikan kita” (Aidh Abdullah Al-Qarni, 2013).*

## **Iman Terhadap Takdir**

Bab 2 membicarakan tentang konsep takdir. Takdir ialah ketetapan Allah SWT atas manusia berupa perkara yang baik atau kurang baik. Tanpa ketetapan ini, kehidupan manusia tidak akan wujud. Banyak kisah teladan yang dikemukakan bagi menerangkan konsep takdir dan dapat memuhasabahkan diri kita. Masalahnya bukan pada kewujudan konsep takdir tetapi pada ketidakfahaman umat terhadap konsep takdir. Kesilapan pemahaman terhadap konsep takdir menyebabkan mereka tidak berusaha keras untuk memajukan diri dan akhirnya menjadi mundur. Apabila melakukan kesilapan, orang akan menyalahkan takdir sedangkan yang penting ialah seseorang itu perlu berusaha sebab Allah SWT yang menentukan.

Orang beriman berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya. Sekiranya gagal, mereka reda kerana ada hikmah, iaitu mereka sedar dan akan meningkatkan keimanan dengan bangkit semula. Seseorang itu tidak sedih atau putus asa sebab tahu bahawa segalanya adalah ketetapan Allah. Dalam bab ini juga dinyatakan tentang ada perkara yang kita tidak suka tetapi membawa kebaikan kepada kita dan sebaliknya. Janganlah kita terlalu bersedih terhadap perkara yang menimpa kita kerana perkara tersebut adalah ketetapan Allah SWT. Tidak semua perkara yang kita suka adalah baik untuk kita dan tidak semestinya perkara yang kita tidak suka adalah tidak baik kepada kita.

## **Agar Selalu Menang dan Bahagia**

Bab 3 menekankan cara untuk menghadapi takdir yang berlaku. Ketika kita mendapat kegembiraan, janganlah gembira berlebihan dan jika diuji, hendaklah bersabar. Terdapat dua kunci kemenangan dan kebahagiaan, iaitu syukur dan sabar. Para ulama ada menjelaskan bahawa terdapat tiga perkara yang perlu dilakukan dalam bersyukur, iaitu bersyukur dalam hati, bersyukur dengan lisan, dan bersyukur dengan perbuatan. Bersyukur dengan hati adalah dengan menyedari dan merasakan adanya nikmat. Bersyukur dengan lisan adalah melalui ungkapan syukur dan rasa berterima kasih apabila menerima kebaikan orang lain atau menerima nikmat daripada Allah SWT.

Manakala bersyukur dengan perbuatan pula adalah dengan cara menggunakan atau memanfaatkan pemberian sesuai dengan fungsi atau pemberian-Nya. Orang yang jujur dalam bersyukur akan menghargai pemberian dan tidak akan mensia-siakannya. Sabar pula bermaksud menerima apa-apa yang sudah terjadi dan tidak mengeluh serta tidak berprasangka atas ketetapan-Nya. Dalam bab ini diterangkan panjang lebar tentang konsep sabar, sebab-sebab perlu bersabar, kelebihan bersabar, dan contoh-contoh situasi sabar serta hasil yang diperoleh daripada bersikap sabar;



untuk mengetahui konsep yang diutarakan dalam buku ini. Penulis buku ini, Syed Alwi Al-Atas merupakan seorang penulis yang produktif dalam pelbagai bidang seperti agama, sejarah, psikologi remaja, dan novel. Penulis telah mengupas perkara tersebut secara bersahaja dan meminta para pembaca untuk membuat renungan sama ada wajar atau tidak seseorang itu mempersoalkan ujian yang Allah berikan kepada mereka. Manusia sering mengeluh tentang perkara yang menyulitkan dan menyusahkan seperti yang dinyatakan dalam al-Maarij: 19-21, yang bermaksud;

*“Sesungguhnya manusia diciptakan bersifat keluh kesah lagi kedekut. Apabila dia ditimpa kesusahan dia berkeluh kesah dan apabila dia mendapat kebaikan dia amat kedekut”.*

Dalam konteks situasi sekarang, manusia diuji dengan penularan wabak Virus Corona. Manusia berasa sangat risau akan bahaya wabak ini sedangkan sebelum ini manusia sering lupa dan tidak bersyukur atas nikmat yang Allah berikan. Ulasan penulis sentiasa disokong dan disertakan dengan firman Allah SWT dan hadis Nabi SAW bagi mengukuhkan perkara yang diperkatakan. Penulis juga menyatakan bahawa manusia selalu mempertikaikan keadilan Allah SWT sedangkan Allah SWT adalah sebaik-baik hakim seperti yang terdapat dalam surah At-Tin ayat 8;

*“ Oleh itu, janganlah menyalahi sunnah kehidupan”  
(Aidh Abdullah Al-Qarni, 2013).*

Buku ini sangat sesuai dibaca oleh pelbagai peringkat umur dan tahap pendidikan dan boleh dijadikan sebagai panduan hidup, menimbulkan kesedaran tentang kekuasaan Allah SWT sebagai maha pencipta serta berpijak di bumi nyata.

## **Rujukan**

- Aidh Abdullah Al-Qarni. (2013). *Jangan bersedih: Setelah kesulitan pasti ada kemudahan* (terj. Noraine Abu). Batu Caves, Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Al-Mushaf Al-Mufiq. (2020). *Al-Qur'an Al-Karim bertajwid dan terjemahan berserta ensiklopedia Al-Qur'an*. Putrajaya: Yayasan Restu.

*Walau seteruk mana kita diduga, terus jalan.  
Dan jangan anggap dugaan itu sesuatu yang  
akan melemahkan. Allah menduga sebab nak  
kita makin kuat sebenarnya dan setiap dugaan  
itu ada hikmahnya.*

# Sedekah Tanpa Wang: Cara Mudah Sedekah Tanpa Menunggu Kaya

Dr. A.Rahman bin Haron  
(IPG Kampus Pendidikan Islam)



Pengarang : Fahrur Mu'is

Penerbit : Mustread Sdn. Bhd.

Tahun : 2011

## Pendahuluan

'Sedekah Tanpa Wang' (STW) adalah judul buku yang diterjemah oleh Mustread Sdn. Bhd. (2011) daripada buku penulis yang berasal dari Surakarta, Indonesia, iaitu Fahrur Mu'is Abdullah. Pengarang membahaskan beberapa amalan bersedekah tanpa wang ringgit dalam buku ini dengan jelas dan diperturunkan hadis dan ayat al-Quran tentangnya. Masyarakat umum kebanyakannya mengetahui bahawa bersedekah tanpa wang hanyalah dengan memberikan kuntuman senyuman sahaja. Inilah konsep atau pemahaman yang menjadi pegangan kebanyakan masyarakat. Melalui buku ini, penulis membuka minda para pembaca dengan memperincikan pelbagai perlakuan melalui gerak hati, bicara lisan dan amal perbuatan yang diibaratkan seperti bersedekah tanpa wang tetapi memperoleh ganjaran pahala yang berganda dan berbaloi di sisi Allah SWT. Persoalan amalan sedekah tanpa wang, dihuraikan dengan jelas oleh pengarang dengan penghuraian tentang sedekah yang berkaitan dengan hati, lisan dan perbuatan.

## Miskin Kaya Sama Sahaja

Pengarang memperturunkan empat faedah yang boleh diraih oleh orang miskin yang kurang berharta tetapi dapat memperolehi banyak kebaikan daripada amal sedekah yang dilakukannya. Pengarang menyatakan jika tidak mampu bersedekah dengan harta, cukuplah sekadar bertasbih, bertakbir, tahmid, tahlil, membuat amar makruf dan menentang perbuatan mungkar. Itu merupakan antara amalan sedekah yang boleh diperbuat oleh seseorang yang sudah pasti berbeza dengan orang lain yang berkemampuan untuk memberi infak dan zakat.

Infak dan zakat sudah pasti membabitkan pengeluaran wang ringgit ataupun harta-benda yang dimiliki untuk diberikan kepada orang lain. Peristiwa COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuk negara kita telah menyebabkan semua lapisan masyarakat perlu berada di rumah masing-masing. Amalan ibadah seperti solat berjemaah dan kuliah agama di masjid dan surau telah tidak dapat dijalankan seperti biasa. Justeru, kesempatan masa inilah yang perlu dimanfaatkan oleh para pembaca untuk melakukan ibadah zikir seperti bertasbih, bertakbir, tahmid dan tahlil di rumah bersama-sama ahli keluarga.

## Mengapa Harus Bersedekah?

Pengarang memperincikan juga hukum bersedekah pada dasarnya adalah sunnah, mendapat pahala jika dilakukan tetapi tidak berdosa jika tidak melakukannya. Walau bagaimanapun, sedekah menjadi haram apabila penerima menggunakannya untuk kemaksiatan sebaliknya menjadi wajib apabila telah bernazar untuk bersedekah. Sedekah juga menjadi wajib ketika keperluan begitu mendesak untuk menyelamatkan nyawa orang yang berada dalam kelaparan sehingga boleh mengancam keselamatan dirinya. Bersedekah adalah perintah Allah SWT kepada hamba-Nya. Melalui bersedekah dapat menyuburkan harta (Surah al-Baqarah: 276).

***“Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah.”***

Bagi orang yang sakit, pengarang menganjurkan kaedah untuk mengubati penyakitnya adalah dengan memperbanyakkan sedekah. Ini kerana melalui amalan bersedekah mampu menghapuskan dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan yang diperbuat oleh pelakunya. Sedekah dapat menjadi penghalang seseorang daripada api neraka dan mendapat naungan ketika di Padang Mahsyar. Sedekah adalah ladang pahala bagi seseorang yang bersedekah semasa hidup di dunia dan di akhirat. Justeru, inilah masanya sewaktu COVID-19, kita bersedekah



*lahu lahumulku walahulhamdu wahu 'alaa kulli syaiin qadiir* (Tidak ada Tuhan yang berhak disembah selain Allah Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya kerajaan dan segala pujian. Dialah yang berkuasa atas segala sesuatu) sebanyak 100 kali dalam sehari, ganjaran pahalanya seperti sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim:

*“Barang siapa membaca Laailaaha illallah wahdahu laa syariika lahu lahumulku walahulhamdu wahu 'alaa kulli syaiin qadiir sebanyak 100 kali dalam sehari, maka baginya (pahala) seperti memerdekakan 10 budak, ditulis 100 kebaikan, dihapuskan darinya 100 keburukan, baginya perlindungan dari gangguan syaitan pada hari itu hingga petang hari. Tidaklah seseorang itu dapat mendatangkan yang lebih baik dari apa yang dibawanya kecuali ia melakukan lebih baik lagi dari itu.”*

Sedekah dengan lisan juga boleh dilakukan dengan menuturkan perkara yang baik agar orang yang mendengarnya merasa bahagia, menimbulkan rasa cinta dan seterusnya dapat mengelakkan permusuhan ataupun persengketaan. Pengarang menganjurkan masyarakat supaya memperbanyakkan sedekah dengan melakukan kebaikan kepada diri, keluarga, tetangga, teman dan masyarakat dengan mencegah kemungkaran yang berlaku di sekeliling melalui tutur bicara. Justeru, daripada kebaikan yang dilakukan melalui lisan sahaja, maka dengan mudahnya memperolehi ganjaran pahala seperti pahala orang yang bersedekah. Maha Pemurah-Nya Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang dikasihi.

Memberi salam kepada sesama Muslim sama ada orang yang dikenali mahupun yang tidak dikenali juga merupakan salah satu jenis sedekah dengan lisan. Rebutlah peluang yang diberikan-Nya untuk menjadi bekal amalan yang bakal dihisab di akhirat nanti. Agama Islam membuka pintu rahmat kepada setiap Muslim untuk mendapatkan pahala seperti pahala orang yang bersedekah. Solat berjemaah lebih utama 27 darjat daripada solat sendirian. Setiap langkah kaki untuk menunaikan solat juga diambil kira oleh Allah SWT untuk diberi ganjaran pahala orang yang bersedekah. Oleh itu, bersegera ataupun berlengah-lengah ke masjid untuk mendirikan solat Jumaat akan membezakan jenis ganjaran pahala yang bakal diraih oleh seseorang.

Menjaga kebersihan masjid juga adalah salah satu bentuk sedekah. Melalui amalan menjaga kebersihan tempat solat di dalam masjid, sudah pasti kebersihan masjid sentiasa terjaga, bersih dan suci, tiada bau yang melemaskan hidung dan kesan kotoran pada karpet atau lantai masjid. Kebaikan yang dilakukan oleh individu akan dapat memberikan keselesaan dan ketenangan kepada para jemaah lain untuk mengerjakan ibadah. Oleh itu, setiap

kebaikan yang dilakukan maka Allah SWT memberikan ganjaran pahala ibarat ibarat pahala orang yang bersedekah.

Mendamaikan dua orang yang berselisih dan berlaku adil terhadap mereka juga adalah satu bentuk sedekah. Membantu seseorang menaiki kenderaan, mengangkat barang-barang dan memasukkan barangan ke dalam kenderaannya juga adalah satu bentuk sedekah tanpa wang. Menunjukkan jalan kepada orang yang tersesat jalan dan menyingkirkan atau membuang halangan yang terdapat di jalanan juga turut dikira sedekah. Selain itu, memberi minum kepada sesama manusia ataupun haiwan, meminjamkan wang dan menanggung hutang bagi orang yang belum mampu membayar balik pinjaman turut dikira sedekah.

## Kesimpulan

Kekuatan buku ini ialah pengarang tidak sewenang-wenangnya menyatakan setiap perlakuan yang dibuat oleh seseorang itu sebagai sedekah tetapi diperkukuhkan pembicaraan dengan menyodorkan ayat al-Quran dan hadis sebagai bahan sokongan. Pengarang menunjukkan kepada khalayak pembaca dengan pembicaraan kalimah mentauhidkan Allah SWT bahawa Allah adalah amat pemurah kepada hamba-Nya. Allah akan mengurniakan ganjaran pahala seumpama orang yang bersedekah atas perbuatan baik yang dilakukan oleh seseorang di atas muka bumi-Nya.

Melihat sekali imbas judul buku **Sedekah Tanpa Wang** ini telah menggamit hati pembaca untuk mengetahui dengan lebih mendalam isi yang terkandung di dalamnya. Pengarang berjaya memaparkan pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh seseorang insan untuk bersedekah tanpa wang. Tidak perlu menunggu mempunyai wang ringgit ataupun harta yang banyak untuk melakukan amalan bersedekah. Ini menunjukkan bahawa orang yang tidak berharta juga boleh bersedekah dan ganjaran pahala sedekah insan berkenaan boleh disalurkan pula sama ada untuk keluarga, masyarakat dan diri sendiri.

## Bibliografi

Fahrur Mu'is Abdullah. (2011). *Sedekah tanpa wang: Cara mudah sedekah tanpa menunggu kaya*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.

*BERSEDEKAHLAH: Nescaya, rezekimu akan datang dari sumber yang tidak disangka-sangka*



## Ke Mana Wang Anda?

Norhafizah binti Sapuan  
(IPG Kampus Bahasa Melayu)



Pengarang : Hajah Rohani Datuk Haji Mohd Shahir

Penerbit : Galeri Ilmu Sdn. Bhd

Tahun : 2009

### Pendahuluan

‘Ke Mana Wang Anda?’ karangan Hajah Rohani ini merupakan sebuah buku panduan kewangan yang telah diterbitkan pada Mac 2009 oleh Galeri Ilmu Sdn. Bhd. Sekiranya kita berhadapan dengan masalah aliran tunai ataupun sangat berminat untuk meningkatkan ilmu kewangan, buku ini sangat sesuai kerana ia memberi panduan bagi seseorang individu ke arah mencapai status kewangan yang lebih teratur dan selesa. Buku ini mengandungi 6 Bahagian iaitu setiap bahagian terkandung artikel-artikel tertentu yang tiada turutan membolehkan pembaca terus ke bahagian yang ingin diterokai dahulu. Ayat-ayat al-Quran dan hadis dipaparkan sebagai rujukan terhadap betapa pentingnya membuat perancangan kewangan dari perspektif Islam. Selain itu, penulis juga menyelitkan kisah-kisah benar dalam kehidupan untuk dijadikan pengajaran kepada para pembaca dan kata-kata bermakna untuk direnungkan seperti berikut;

*“Kita tidak pernah merancang untuk gagal,  
tetapi sering gagal untuk merancang”.*

## **Merancang Kewangan**

Dalam kehidupan ini, perancangan merupakan satu perkara utama yang wajib dilakukan sebelum melakukan apa jua pekerjaan seharian. Ini termasuklah dalam pengurusan kewangan apabila ramai daripada rakyat Malaysia didapati lemah dalam mengurus kewangan hingga mengakibatkan mereka jatuh mufliis, melakukan jenayah kolar biru dan sebagainya. Dalam sesebuah keluarga perlu ada sistem pengurusan kewangan yang sistematik supaya pada akhir bulan ketua keluarga tidak pening memikirkan di mana hendak mencari duit untuk menyara ahli keluarga sementara menunggu hari gaji. Disiplin dalam pengurusan kewangan sangat penting tidak kira sama ada seseorang itu masih bujang atau sudah berkeluarga dalam menjamin kehidupan yang stabil pada masa kini dan masa hadapan.

Dalam situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19 ini pastinya ada keluarga yang terjejas atau berkurangan pendapatannya. Ada dalam kalangan rakyat Malaysia yang kehilangan pendapatan kerana bergantung kepada pendapatan harian. Maka pada masa seperti ini akan begitu terasa betapa pentingnya pengurusan kewangan yang efektif.

## **Menguruskan Perbelanjaan**

Berapa lama ringgit berada di poket? Itulah persoalan yang begitu menyentak minda dan emosi. Apabila memikirkan persoalan berapa lama gaji boleh bertahan sangat berkait rapat dengan aliran tunai kita. Dalam buku ini, penulis telah membawakan kaedah mengira nisbah kemewahan di mana ini merupakan satu kaedah yang sesuai untuk muhasabah tentang situasi aliran tunai, tahap tabungan dan pelaburan seseorang. Kaedah ini dapat membuka minda seseorang untuk berubah kepada keadaan kewangan yang lebih baik.

Menguruskan aliran tunai dengan efisien dapat membantu kita menguruskan kewangan dengan lebih berhemah dan seterusnya dapat menabung bukan sahaja saham dunia bahkan saham akhirat dengan duit lebihan gaji setiap bulan. Dengan itu keberkatan akan dapat diraih dan kehidupan akan lebih baik. Dengan berkuatkuasanya PKP ini, kita mempunyai banyak masa untuk duduk di rumah bersama-sama keluarga. Masa yang ada ini boleh digunakan untuk sama-sama memperhalusi aliran tunai keluarga setiap bulan. Banyak perkara boleh dilihat dan dinilai semula sebagai langkah memperkasakan lagi ekonomi keluarga.

## **Pelaburan Untuk Anak-anak**

Bagi keluarga yang mempunyai anak, kos untuk membesarkan anak daripada bayi hingga dewasa menelan belanja yang besar dan akan membebankan jika tidak dikawal dengan baik. Buku ini memberi tips dan panduan merancang perbelanjaan untuk anak sejak lahir hingga dewasa, mendidik anak berjimat cermat, cara bijak berbelanja untuk persiapan raya sehinggalah merancang perbelanjaan majlis perkahwinan anak. Anak-anak perlu diajar untuk mengurus kewangan mereka sejak dari sekolah rendah supaya mereka ada ilmu kewangan dan tahu menghargai titik peluh ibu ayah membesarkan mereka. Buku ini bukan sahaja memberi panduan pelaburan untuk anak-anak di dunia bahkan sehingga ke akhirat.

*“Mencorak anak-anak sebagai Muslim sebenar, atau khalifah yang boleh dijadikan suri teladan memerlukan pelaburan jangka masa panjang” (ms. 118).*

Sebagai ibu bapa, ilmu pengurusan kewangan bukan sahaja perlu diamalkan untuk kesejahteraan keluarga bahkan perlu diterapkan kepada anak-anak supaya mereka tidak buta kewangan dan bijak melabur demi kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat. Dalam keadaan kita yang sedang dilanda musibah COVID-19 ini, saat bersama-sama dengan keluarga boleh dimanfaatkan untuk menerapkan ilmu-ilmu duniawi dan ukhrawi kepada anak-anak di rumah.

## **Hidup Selesa Tanpa Hutang**

Sesiapa pun tidak mahu hidup dibelenggu hutang. Hidup pasti tidak aman dan tenteram jika dikejar hutang sana sini. Seheinggakan ada yang terfikir untuk menamatkan riwayat sendiri akibat belenggu hutang yang tidak terkawal. Dalam buku ini penulis mengajak pembaca duduk seketika dan bermuhasabah keadaan situasi kewangan sendiri. Sekiranya segala ansuran bulanan termasuk kereta, rumah, kad kredit, pinjaman peribadi, pinjaman pelajaran dan sebagainya melebihi 30% daripada gaji bersih, ini menandakan mereka menghadapi masalah kredit atau hutang. Buku ini membincangkan jenis-jenis hutang yang memerangkap masyarakat dan seterusnya memberikan serba sedikit panduan untuk membebaskan diri daripada perangkap hutang. Pelbagai alternatif dan tip berguna untuk mengelakkan diri daripada terus berhutang disediakan.

Inisiatif pihak kerajaan Malaysia dengan memberikan moratorium iaitu penangguhan bayaran ansuran pinjaman bank disebabkan PKP adalah usaha yang bagus di pihak kerajaan. Namun bagi pihak penghutang, kita perlu berfikir

panjang sama ada mahu menerima atau tidak inisiatif tersebut kerana penangguhan pembayaran bermaksud tempoh hutang bertambah.

## **Persediaan Masa Depan**

Dalam keadaan ekonomi masa kini yang agak tidak stabil menyebabkan inflasi dan kenaikan harga barang. Nilai ringgit semakin rendah dan situasi ini akan membebankan mereka yang berpendapatan rendah dan bergantung kepada pendapatan harian. Persoalan yang perlu difikirkan adalah *survival* dalam keadaan serba-serbi mahal. Ramai antara kita tidak menyedari sebenarnya kebanyakan warga kota Kuala Lumpur adalah dalam kategori miskin bandar iaitu pendapatan yang diperoleh tidak mampu menampung kos sara hidup yang tinggi. Dalam keadaan begini sesebuah keluarga perlu bermusyawarah mencari jalan untuk memperkasakan ekonomi keluarga kerana peluang menjana pendapatan sampingan sangat meluas. Suri rumah sepenuh masa juga boleh membantu menjana pendapatan keluarga dengan membuat *bisnes online*, mengambil upah menjaga anak jiran, mengambil tempahan memasak dan sebagainya hanya dari rumah. Di samping itu, pengurusan kewangan yang efektif dan langkah penjimatan dapat serba sedikit menyediakan dana kecemasan pada masa hadapan.

Bagi yang bekerja sepenuh masa, gaji yang diperoleh tidak menjamin kita mempunyai bekalan selepas persaraan jika tidak merancang lebih awal. Walaupun kakitangan kerajaan mempunyai skim pencen namun pencen yang akan diperoleh selepas bersara tidak menjamin kita mencapai kebebasan kewangan. Perancangan persaraan memerlukan kita menetapkan matlamat daripada awal supaya kita menyediakan payung sebelum hujan. Pendapatan bulanan perlulah diuruskan dengan bijak supaya tidak habis begitu sahaja tanpa menyimpan bekalan untuk persaraan kelak. Terpulanglah kepada individu memilih apa cara sekalipun sebagai simpanan selepas persaraan.

Adalah penting kita mengasingkan sebahagian gaji yang diperoleh khas untuk dana kecemasan. Sebagai contoh, apabila berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini atau ditimpa penyakit kepada diri sendiri atau ahli keluarga seperti wabak COVID-19 selepas pulang dari bercuti di luar negara, maka dana kecemasan yang disimpan boleh digunakan untuk tujuan rawatan.

## **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, buku ‘Ke Mana Wang Anda?’ adalah sebuah buku yang sangat sesuai untuk semua golongan pembaca tidak kira tua atau muda. Buku ini sarat dengan panduan, tip dan pengajaran yang boleh dijadikan teladan. Tambahan pula kaedah penulisan yang ringkas, santai dan mudah difahami

mbolehkan segala panduan senang untuk dipraktikkan. Selain itu, buku ini banyak memberi maklumat dan panduan kepada pembaca tentang isu-isu kewangan serta matlamat kewangan sehingga boleh menaikkan semangat berkobar-kobar kepada pembaca supaya terus berusaha dan tidak mudah berputus asa untuk mencapai kebebasan kewangan dalam hidup. Bagi diri saya yang masih mencari-cari kaedah pengurusan kewangan yang efektif, buku ini memang sangat berguna dalam meningkatkan ilmu kewangan seterusnya dapat menguruskan kewangan dengan lebih berkesan. Buku ini sangat disyorkan kepada mereka yang sedang bergelut dengan masalah hutang dan inginkan pengurusan kewangan yang lebih teratur.

## Bibliografi

Hajah Rohani Datuk Haji Mohd Shahir (2009). *Ke Mana Wang Anda?*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

**Langkah 1**

Mengenal pasti dan menulis matlamat anda, contohnya:

- Membeli kereta baharu
- Menyimpan wang untuk pendahuluan rumah baharu
- Pergi bercuti
- Melangsaikan hutang kad kredit
- Pelan persaraan

**Langkah mudah untuk menetapkan matlamat anda**

**Langkah 2**

Himpunkan setiap matlamat kepada matlamat jangka masa pendek (kurang daripada 1 tahun), sederhana (1-3 tahun), dan panjang (lebih daripada 3 tahun) agar matlamat tersebut lebih mudah dan senang dicapai

Contoh:

Contoh:

# Diagnostic And Statistical Manual Of Mental Disorders Dsm-5

Dr. Noorashikin binti Edin  
(IPG Kampus Pendidikan Islam)



Pengarang : American Psychiatric Association  
Penerbit : American Psychiatric Ass. Publishing  
Tahun : 2013

## Pendahuluan

Buku manual *Diagnostic And Statistical Manual Of Mental Disorders (DSM-5)* setebal 947 muka surat ini diterbitkan oleh *American Psychiatric Association Publishing* pada tahun 2013 dalam bahasa Inggeris. Buku ini adalah sebuah manual untuk mengenalpasti ciri-ciri kecelaruan mental yang berlaku pada individu. Buku ini mengambil masa selama lima tahun untuk disiapkan kerana melibatkan ratusan pakar rujuk bidang psikiatri di seluruh dunia. Buku manual DSM-5 merupakan penambahbaikan bagi buku DSM-4 yang diterbitkan sebelum ini. Buku ini amat sesuai dibaca sebagai penambahan ilmu bidang psikiatri untuk orang awam dan juga rujukan ilmiah bagi mereka yang berada dalam bidang psikologi klinikal. Topik utamanya membincangkan tentang ciri-ciri 19 jenis kecelaruan mental yang utama berserta spektrumnya dan satu topik tentang gabungan kecelaruan mental juga dinyatakan.

## Penerangan Ringkas Buku Mengikut Seksyen

Seksyen I (Asas DSM-5), bermula dari muka surat 5 hingga muka surat 25 yang menerangkan tentang pengenalan, penggunaan buku manual dan beberapa isu

kemungkinan salah faham penggunaan istilah dalam konteks klinikal dan bidang undang-undang.

Seksyen II (Kod dan Kriteria Diagnostik) pula adalah seksyen terpanjang yang bermula dari muka surat 31 hingga muka surat 715. Seksyen ini meliputi penerangan tentang kriteria diagnostik kecelaruan mental serta rujukan kodnya yang diterima di seluruh dunia. Senarai kecelaruan mental yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut; a) *Neurodevelopmental Disorders*, b) *Spectrum and Other Psychotic Disorders*, c) *Bipolar and Related Disorders*, d) *Depressive Disorders*, e) *Anxiety Disorders*, f) *Obsessive-Compulsive and Related Disorders*, g) *Trauma-and Stressor-Related Disorders*, h) *Dissociative Disorders*, i) *Somatic Symptom and Related Disorders*, j) *Feeding and Eating Disorders*, k) *Elimination Disorders*, l) *Sleep-Wake Disorders*, m) *Sexual Dysfunctions*, n) *Gender Dysphoria*, o) *Disruptive, Impulsive-Control, and Conduct Disorders*, p) *Substance-Related and Addictive Disorders*, q) *Neurocognitive Disorders*, r) *Personality Disorders*, s) *Paraphilic Disorders*, t) *Other Mental Disorders*, u) *Medication-Induced Movement Disorders and Other Adverse Effects of Medication*, v) *Other Conditions That May Be a Focus of Clinical Attention*.

Seksyen III (Emerging Measures and Models) merupakan seksyen terakhir yang meliputi muka surat 733 hingga muka surat 783. Seksyen ini membincangkan tentang alat ukur dan teknik bagi meningkatkan lagi ketepatan mendiagnos jenis kecelaruan mental.

### **Manfaat Membaca Buku Manual Diagnostik And Statistical Manual of Mental Disorders (DSM-5)**

Dalam keadaan negara kita yang sedang dilanda musibah COVID-19 ini, selain daripada kesihatan fizikal yang perlu diambil berat, dalam masa yang sama kesihatan mental juga perlu diambil cakna. Penularan wabak COVID-19 memberi pelbagai kesan terhadap komuniti dan individu dalam menjalani kehidupan seharian.

Keadaan itu dilihat semakin membimbangkan tatkala kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara rasmi bagi menyekat pergerakan orang awam untuk mengawal penularan wabak itu. Sehingga ulasan ini ditulis, Malaysia telah menjalani empat fasa PKP bermula pada 18 Mac 2020 dan dijangka berakhir pada 12 Mei 2020 (55 hari).

Situasi ini secara langsung memberi kesan kepada psikologi masyarakat dan individu. Justeru, masyarakat berdepan dengan pelbagai isu emosi seperti kerisauan, gemuruh dan tekanan serta sebagainya. Hal ini juga mampu membuatkan masyarakat cemas dan ramai mula membuat pembelian panik

terutama bekalan makanan serta ada yang mengalami gejala kemurungan akibat hilang mata pencarian.

Secara psikologi, individu mungkin akan menghadapi corak pemikiran negatif yang boleh menjejaskan emosi mereka sepanjang PKP dilaksanakan. Emosi negatif di sini merujuk kepada segala pemikiran negatif berkaitan diri sendiri, orang lain, tidak berpuas hati tentang masa depan, kesulitan dalam hubungan rumah tangga, kesukaran dalam menyampaikan emosi positif, perasaan terasing dari ahli keluarga dan rakan-rakan serta bermacam-macam lagi. Oleh yang demikian, setiap individu perlu mengambil langkah positif untuk mengekalkan kestabilan emosi ketika menghadapi situasi ini.

Aspek penyesuaian diri memainkan peranan penting dalam menentukan kefungsi mental dan tingkah laku seseorang untuk menjaga kestabilan emosi bagi menjalani perubahan dalam aktiviti harian. Buku ini ada menyatakan pelbagai simptom atau gejala kecelaruan mental yang jika individu dapat mengenalpasti lebih awal maka rawatan atau tindakan pencegahan dapat di dilakukan dengan segera.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, buku ini sangat bagus untuk dibaca oleh golongan cendekiawan juga orang awam yang berminat ingin tahu lebih lanjut tentang pelbagai jenis kecelaruan mental. Kemungkinan tanpa disedari, gejala kecelaruan mental ada dikesan pada diri sendiri, kaum keluarga, sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai. Walaupun adalah kurang tepat untuk terus meletakkan seseorang itu mengalami kecelaruan mental kerana pengesanan tahap kesihatan mental individu hanya layak dilakukan oleh mereka yang benar-benar pakar. Namun begitu, dengan sedikit sebanyak ilmu melalui bahan bacaan ini akan dapat mencegah daripada kecelaruan mental menjadi lebih serius. Bak kata pepatah Inggeris;

***“Prevention Is Better Than Cure”.***


Kepada mereka yang membaca ulasan buku ini, saya amat menggalakkan anda semua menyimpan satu naskah buku manual yang sangat tidak ternilai harganya buat kegunaan rujukan diri sendiri dan juga sebagai panduan untuk menghadapi mereka yang berisiko menunjukkan gejala kecelaruan mental.

## **Bibliografi**

American Psychiatric Association (2013). *Diagnostik And Statistical Manual Of Mental Disorders* (DSM-5). USA: American Psychiatric Association Publishing.

## Biar Berbekas

Shamsiah binti Md Nasir  
(IPG Kampus Tun Hussein Onn)



Pengarang : Roza Roslan

Penerbit : Must Read Sdn Bhd

Tahun : 2018

### Pendahuluan

'Biar Berbekas' karangan Roza Roslan ini merupakan sebuah novel kehidupan yang telah diterbitkan pada tahun 2018 oleh Must Read Sdn Bhd dalam Bahasa Melayu. Buku ini yang mengandungi 56 bab yang ringkas setiap satunya mengetengahkan "sesuatu" yang berkaitan dengan kehidupan dan ketuhanan. Menggunakan istilah bekas untuk setiap bab, ia menggambarkan setiap peristiwa dalam kehidupan mempunyai nilai yang boleh dipelajari.

Dengan berlatar kisah kehidupan penulis sendiri iaitu Roza Roslan dari kecil sehingga beliau berkeluarga, buku ini cukup memberi erti kepada sesiapa sahaja yang membacanya. Berkisar kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam keluarganya yang melibatkan peranan ibu ayah membesar dan mendidik anak-anak serta mengurus keluarga. Kisah berkaitan dengan adik-beradik, saudara mara dan jiran tetangga juga diceritakan. Penulis juga menyorot kembali kisah semasa zaman persekolahan dan pengajian serta hubungan dengan rakan sekerja. Khalayak pembaca akan mendapati peristiwa-peristiwa yang dikisahkan adalah amat hampir dengan kehidupan seharian masyarakat.



## Oh Guru!

Pada zaman kanak-kanaknya, ayah penulis (Cikgu Roslan Daud) sering berpesan agar sentiasa berusaha untuk memajukan diri. Dr. Ismail Salleh, seorang buta yang berjaya menjadi orang buta pertama di Malaysia memperoleh Ph.D merupakan nama yang sering disebut oleh ayah penulis. Orang buta boleh membaca dan berjaya yang sepatutnya menjadi inspirasi dan motivasi kepada manusia yang celik untuk juga berjaya. Ayah penulis bukan sahaja mengajar di sekolah tetapi juga prihatin kepada anak muridnya yang akan menduduki peperiksaan. Begitulah rasa seorang guru apabila ada anak murid yang akan menduduki peperiksaan. Menurut penulis, ayahnya membawa pulang anak-anak orang asli untuk bermalam di rumah mereka semasa musim peperiksaan Tahun 5. Ia memberi makna kepada anak-anak orang asli agar berusaha dan berjaya untuk mengubah kehidupan keluarga.

*“Aku nak jadi cikgu. Nak ajar budak-budak baca buku. Nak ajar tok batin tulis surat minta air dalam besi masuk kampung macam rumah Cikgu Roslan. Tak payah mandi sungai air keruh lagi” (ms 61).*

Didikan perlu disertai suntikan semangat dan nasihat yang berguna agar anak didik berusaha tanpa kenal putus asa. Kisah kasut getah Alba yang diceritakan oleh penulis menunjukkan betapa guru berperanan membakar semangat anak didik untuk berjaya. Begitu jugalah ibu bapa mahu pun guru hendaklah sentiasa membantu memotivasikan anak-anak dan anak muridnya untuk berjaya pada masa hadapan. Guru yang berjiwa pendidik akan sentiasa berusaha untuk mendidik anak muridnya tanpa mengira wang ringgit, masa dan tenaga. Begitu jugalah apabila PKP dilaksanakan, guru tetap mengajar walaupun dalam talian agar anak didiknya tidak ketinggalan dalam pelajaran. Guru menjadi lebih kreatif menggunakan segala teknologi yang ada untuk mengajar dari rumah.

## Di Mana Ayah Ibu?

Keluarga memainkan peranan penting untuk mewujudkan kehidupan yang harmoni dan bermakna. Selain ayah, peranan ibu juga penting dalam proses pembesaran agar anak-anak membesar dengan persekitaran yang penuh kasih sayang dan menyeronokkan. Kasih sayang ibu dan ayah dalam membesarkan anak-anak tidak harus digantikan dengan kasih sayang pengasuh atau kawan apabila kedua ibu ayah sibuk berkerjaya. Pada saat anak-anak membesar, ada ibu ayah sibuk dengan urusan kerja hingga lupa untuk memberi perhatian dan sokongan kepada anak-anak.

*“Sudah bertahun anakmu belajar memujuk hatinya yang lara. Belajar mengesat air mata sendiri. Hanya bantal, teddy bear dan rakan seusia diraih bahu tempat mengadu. Bukan dirimu”* (ms 239).

Jangan salahkan anak-anak apabila mereka semakin menjauh diri mencari kehidupan sendiri. Apabila meniti usia tua, usah salahkan anak-anak apabila mereka tidak bertanya khabar atau mengambil peduli. Dalam tempoh PKP ini adalah peluang terbaik untuk para ibu dan ayah meluangkan masa bersama anak-anak yang sebelum ini dititip dengan pengasuh atau membesar sendirian. Gunakan masa dengan berkualiti dalam membentuk dan mendidik anak-anak. Didikan keluarga mempunyai makna untuk anak-anak menjalani kehidupan masa hadapan mereka.

### **Jiran dan Rakan**

Memberi juadah kepada jiran tetangga merupakan satu amalan dalam hidup bermasyarakat. Itulah yang dilakukan oleh ibu penulis dengan melebihi masakan untuk disedekahkan kepada jiran tetangga. Amalan bersedekah merupakan suatu amalan yang dituntut dalam agama.

*“Rasulullah SAW selalu ingat kepada jiran tetangga dan bagi mereka rasa apa yang dimasak oleh isteri baginda. Apa salahnya kalau kita banyakkkan sedekah apa sahaja yang kita ada”* (ms 91).

Orang berbudi kita berbahasa. Apabila kita dalam kesusahan, ada jiran dan rakan yang akan membantu. Itulah yang dikisahkan oleh penulis dalam cerita Motor Kapcai. Penulis juga menyaran untuk berbuat baik dengan rakan terutamanya dengan rakan yang dalam kesusahan. Letakkan diri kita di tempat mereka agar kita dapat memahami kesusahan yang mereka lalui seperti kisah Syampu Kutu dan Kasut Getah Alba yang dikisahkan oleh penulis. Dengan pelaksanaan PKP, ramai yang terjejas pendapatannya dan memerlukan bantuan manakala pihak kesihatan dan perubatan mengalami kekurangan peralatan. Ibu bapa sebagai contoh teladan bolehlah memberi sumbangan sekadar kemampuan agar ia menjadi didikan untuk anak-anak agar senantiasa prihatin kepada yang memerlukan.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, ‘Biar Berbekas’ adalah sebuah buku yang digarap dengan santai dan mudah difahami. Selain itu, penulis mampu membawa pembaca untuk muhasabah diri dalam menjalani kehidupan seharian sehingga memberi kesedaran untuk memperbaiki diri terutama untuk keluarga dan hubungan

dengan Tuhan. Tajuk buku ini amat sesuai dan dapat menarik minat pembaca kerana peristiwa-peristiwa yang dilalui harus meninggalkan bekas atau kesan yang memberi nilai dalam kehidupan. Watak penulis dalam buku ini boleh dijadikan inspirasi untuk pembaca menilai kehidupan sendiri yang telah dilalui dan berusaha memperbaiki diri. Karya Roza Roslan ini sama seperti karya-karyanya yang lain (Perca, Tanyalah Diri dan yang lainnya) adalah berkisar kepada kehidupan sebenar dirinya yang dikongsikan dengan khalayak pembaca sebagai panduan dalam menjalani kehidupan berkeluarga dan hidup bertuhan.

## **Bibliografi**

Ibnu Rijal (2015). Kembali Bertuhan: Kerana Cinta, Aku Kembali. Must Read Sdn Bhd.


Roza Roslan (2016). Perca. Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

Roza Roslan (2015). Tanyalah Diri. Galeri Ilmu Sdn. Bhd.



## A Liberated Mind: How to Pivot Toward What Matters

Datin Dr. Thusha Rani Rajendra  
(IPG Kampus Bahasa Melayu)



Pengarang : Steven C. Hayes

Penerbit : Avery

Tahun : 2019

### Pendahuluan

Buku “A Liberated Mind: How to Pivot Toward What Matters (ALM)” tulisan Steven C. Hayes mengutarakan metodologi dan kemahiran yang perlu bagi pembebasan emosi yang membolehkan kita beralih dari sikap pembatasan diri kepada kesedaran diri melalui tindakan penegasan diri. Buku ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pembaca satu set kemahiran yang dapat diaplikasikan dalam mengembangkan perkara yang digambarkan oleh penulis sebagai 'fleksibiliti psikologi.' Steven Hayes yang bergelut dengan serangan panik menemui ketenangan diri melalui metodologi *Acceptance and Commitment Therapy* (ACT). Buku ini adalah naratif dapatan ilmiah yang dipenuhi dengan pengalaman, kisah benar dan nasihat tentang cara seseorang dapat menggunakan kemahiran fleksibiliti psikologi untuk berfungsi secara optimum dan menjalani kehidupan yang mencerminkan kualiti yang dipilih.

### Fleksibiliti Psikologi

menampilkan ACT berasaskan fleksibiliti psikologi dengan pendekatan yang menarik dan senang digunakan. Perkara yang lebih menarik ialah bagaimana fleksibiliti psikologi dapat membantu seseorang kerana kerap kali minda

menyeru kita supaya melarikan diri daripada penyelesaian masalah yang merangkumi rasa takut atau sakit. Dengan mempelajari teknik membebaskan diri daripada belunggu sedemikian, kita dapat hidup dengan makna dan tujuan, bersama dengan keperitan ketika mengalami kesakitan dalam pelbagai aspek hidup. Ini adalah premis utama penulisan Hayes yang sememangnya menakjubkan.

### ***“Fikiran boleh menjadi musuh terburuk kita”***

Hayes menyatakan bahawa fikiran boleh menjadi musuh terburuk kita, dalam mengembangkan fikiran yang fleksibel. Dalam masyarakat yang dilanda krisis kini, fleksibiliti psikologi sangat diperlukan sebagai satu jalan penyelesaian yang bermula dengan perubahan sikap manusia. ACT menentang kemahiran fleksibiliti psikologi yang menjadikannya salah satu pendekatan paling kuat yang belum pernah ditemui di dalam sebarang penyelidikan yang lain. Kajian sains oleh Hayes menunjukkan bahawa pendekatan ini berguna dalam hampir setiap bidang seperti kesihatan mental, kesihatan fizikal, proses sosial dan pencapaian prestasi. Elemen-elemen asas ACT adalah pemerhatian diri (*presence*), penolakan elemen negatif dan mempunyai perspektif (*defusion*), penerimaan pelbagai emosi (*acceptance*), pengamalan nilai-nilai diri yang bermakna (*values*), pencapaian matlamat (*committed actions*) serta membina tabiat berdasarkan pemerhatian diri (*observing self*) seperti yang dipaparkan di Rajah 1.



Rajah 1: Elemen-elemen fleksibiliti psikologi (dipetik dari <https://www.bettercognitions.com>)

## ***Acceptance and Commitment Therapy (ACT).***

ACT menunjukkan cara kita dapat menjalani kehidupan yang penuh bermakna mengikut saranan Hayes. Ini membantu kita benar-benar memahami perkara yang penting agar kita dapat hidup dengan kebebasan, keberanian, dan kegembiraan yang lebih mendalam. Bagi saya, buku ini patut dibaca oleh semua orang kerana ia menawarkan satu alternatif dalam pembebasan minda daripada gejala pengaruh psikologi yang negatif melalui fleksibiliti psikologi. Salah satu perenggan kegemaran saya adalah petikan di bawah:

*“The wonderful (and terrible) thing about human behavior is that it tends to support itself. Lives fall into behavioral patterns. We do what we do because it’s what we’ve always done... But small behavioral direction changes can build to create a huge change in direction over time. The trick is to calibrate your efforts. Initially, it’s best to make changes that are simple and quick... Even if the commitment you’ve decided on is small, it can help to make it smaller still... It does not matter how small it is. You’re making progress” (ms 248).*


Menempuhi hari-hari ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah sesuatu yang luar daripada norma seharian. Dalam menghadapi segala ketidakpastian yang bakal melanda, sikap dan keinginan untuk menghadapi cabaran *‘the new normal’* adalah sesuatu yang agak menakutkan. Kehidupan sebagai seorang pendidik pada masa ini penuh dengan ketidakpastian yang biasa, dan perlu bersiap sedia dalam menghadapi segala kemungkinan. Buku ALM sememangnya memberikan satu alternatif dalam mengatasi masalah-masalah seharian melalui cara yang sungguh berkesan berdasarkan fleksibiliti psikologi. Enam elemen asas yang disarankan olehnya adalah sesuatu yang boleh dipraktikkan tanpa banyak rintangan atau masalah. Pada masa PKP ini, keyakinan diri, semangat tidak putus asa, kecekalan dan pengurusan masa adalah perlu untuk menjamin kehidupan yang bermotivasi dan komited terhadap keperluan keluarga, karier serta negara, secara keseluruhannya.

Sebelum COVID-19 melanda, keinginan untuk menggunakan aplikasi *digital learning* adalah dianggap sesuatu yang sukar tetapi apabila PKP dikuatkuasakan berlaku perubahan diri yang menunjukkan bahawa;

***‘things need to be done, whether you like it or not’***

Melalui sesi mesyuarat menggunakan aplikasi Zoom, Google Meet, pelantar *digital learning*, webinar sehinggalah penglibatan dalam aktiviti-aktiviti lain seperti melukis, memasak dan bertanam dalam tempoh PKP ini membuktikan

bahawa tiada yang mustahil jika sikap kecekan diri dan perubahan minda disemai, selaras dengan pendapat Hayes. Gambar-gambar di bawah menunjukkan antara aktiviti-aktiviti kreatif dan berfaedah yang boleh dilakukan semasa PKP agar motivasi diri dapat dipupuk sepanjang masa, sambil mempelajari sesuatu yang baharu dan mengasah minda serta bakat sedia ada.



*Even in the Shadows dan Carribbean Blue (acrylic on canvas)*



Kari ikan Sri Lanka dengan sayur jeruk



Tanaman bunga kantan

## Kesimpulan

Sekiranya kita dapat melihat peluang dengan krisis, kita akan mendapat inspirasi dan pada masa yang sama boleh menjadi inspirasi kepada orang lain. Ini hanya boleh berlaku sekiranya kita berfikiran terbuka dan menerima bahawa perubahan akan berlaku. Sebagai manusia, kita mesti redha dan menerimanya dengan baik. Krisis COVID-19 ini telah meluaskan pemerhatian dan pandangan saya, serta menghormati pendapat berbeza dan kepentingan hidup bersederhana. Buku ALM sendiri telah mendorong saya melihat kehidupan ini dari lensa yang berlainan iaitu penumpuan terhadap kebaikan orang lain akan membuatkan setiap saat aura positif akan bergema dalam diri kita. Proses ini akan

membolehkan seseorang melihat rintangan tersembunyi dan peluang dalam krisis. Pemikiran sedemikian sangat penting dalam menghadapi situasi mengambil risiko, menerima ketidakpastian, belajar menggunakan sumber yang terhad dengan sebaik-baiknya dan perlu mewujudkan persekitaran yang ideal.


Melalui pembacaan buku *A Liberated Mind* ini, sememangnya telah membawa diri saya untuk mempraktikkan enam saranan Hayes dalam membantu ke arah hidup yang lebih positif dan bermakna; penuh kebebasan, keyakinan serta kegembiraan.

*“Take a pause and see if you can sense how different the world seems inside ‘yes’ versus ‘no’” (ms 198).*



## Membudayakan Etos Kerja Pendidikan Dari Perspektif Islam

Dr. Siti Rosni binti Mohamad Yusoff  
(IPG Kampus Bahasa Antarabangsa)



Pengarang : Ahmad Tajuddin Abdul Hamid  
dan Mahyuddin Ashaari

Penerbit : PTS Edar

Tahun : 2013

### Pendahuluan

Buku ini mengembalikan kesedaran bahawa bekerja adalah satu ibadah yang boleh membantu manusia ke syurga dengan syarat patuh kepada Allah (*hablum minallah*) dan mengekalkan hubungan baik sesama manusia (*hablum minannas*). Justeru apa jua pekerjaan hendaklah dilakukan dengan kesungguhan, kerja keras, keyakinan dan keimanan yang tinggi. Kupasan tentang tema buku ini dibahagikan kepada empat (4) bab iaitu 'Konsep dan Pengertian Etos Kerja', 'Etos Kerja dari Perspektif Islam', 'Etos Kerja Guru' dan 'Ketinggian Darjat Guru dan Kemuliaan Ilmu'.

*"Etos Kerja" atau dalam bahasa mudah adalah "Selera bekerja".*

Etos Kerja yang betul perlu dikuasai oleh semua pekerja dalam sesebuah organisasi kerana walaupun dilihat berjaya dan produktif, namun apabila pekerja merasa 'lelah' dengan hubungannya dengan organisasi, tidak 'cinta' kepada organisasi, tidak bangga dengan sistem dan peraturan yang disediakan, mula melakukan perkara yang tidak sepatutnya, maka ini merupakan indikator kepada amalan Etos Kerja yang rendah. Pekerja di organisasi yang mengamalkan Etos Kerja yang tinggi umumnya lebih seronok, lebih membantu,

tidak membatasi diri, lebih sabar, lebih mampu berkomunikasi secara profesional dengan jelas tanpa mempamerkan rasa ‘lelah’ dan ‘bosan’ (ms 30).

Penulis buku ini mengupas punca, sebab, akibat dan impak permasalahan di atas. Oleh itu, pengulas merumuskan bahawa buku ini sesuai dibaca oleh semua peringkat individu yang menjadi ahli atau pekerja kepada sesebuah organisasi sama ada institusi keluarga, perkhidmatan awam, swasta atau bekerja sendiri. Penulis juga menyentuh perihal tingkah laku individu bermula dari persepsi tentang diri sendiri, bidang tugas di organisasi yang dijelmakan melalui tatacara komunikasinya dengan orang sekeliling dan kesungguhannya dalam membantu mencapai matlamat organisasi. Justeru, Etos Kerja yang tinggi bermula dengan persepsi individu tentang diri sendiri dalam bidang kerjayanya dan seronok dalam bekerja sehingga dapat meningkatkan prestasi walaupun terpaksa bekerja keras.

## **Konsep dan Pengertian Etos Kerja**

Bab 1 buku ini bertajuk ‘Konsep dan Pengertian Etos Kerja’. Etos Kerja dikupas sebagai sudut pandangan dan tingkah laku seseorang terhadap bidang tugas, motivasi dalaman untuk meningkatkan kualiti bidang kerja, perhubungan dengan rakan sekerja dan individu sekelilingnya serta penajaran matlamat tersebut dengan tujuan organisasi. Etos Kerja setiap manusia disokong oleh roh keberhasilan iaitu motivasi murni untuk meraih keberhasilan yang dijelmakan melalui kerja keras, disiplin, teliti, tekun, integriti, rasional, bertanggungjawab seterusnya menjadi pekerja yang positif, kreatif dan produktif.

Kepentingan Etos Kerja tinggi merangkumi sekecil-kecil kerja sehinggalah kerja yang berkaitan dengan ibadah untuk ke syurga.

*“Maka apabila kamu telah selesai (dari sesuatu urusan) kerjakanlah dengan sungguh-sungguh (urusan) yang lain. Maksudnya sebahagian ahli tafsir mentafsirkan apabila kamu (Muhammad) telah selesai berdakwah maka beribadatlh kepada Allah; apabila selesai urusan dunia maka kerjakanlah urusan akhirat, dan ada yang mengatakan: Apabila telah selesai mengerjakan solat, beribadahlah” (ms 33).*

Perenggan di atas menunjukkan bahawa semua individu mempunyai masa yang sama untuk membahagikan tenaga atau kudrat untuk urusan duniawi dan ukhrawi tanpa mengira darjat atau pangkat, jenis pekerjaan dan usia. Setiap individu mempunyai potensi untuk memberi prestasi yang lebih baik jika Etos Kerja dan disiplin kerja digabungkan secara optimum selaras dengan kemenjadian manusia yang bersifat “*homo faber*” atau makhluk yang bekerja.

Bab 1 ini menjelaskan bahawa seseorang pekerja secara fitrah mempunyai potensi sendiri untuk sentiasa berfikir kaedah untuk meningkatkan prestasi kerja. Fitrah ini sebenarnya memudahkan seseorang perkerja untuk merencana dan menyesuaikan diri dengan situasi bekerja dari rumah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19. Adaptasi kepada perubahan untuk mengubah amalan bekerja biasa memerlukan penjaanaan soalan seperti, Apakah sudut pandangan kita tentang bidang tugas kita pada waktu ini?, Bagaimanakah kita berkomunikasi dengan rakan dalam organisasi? Bagaimanakah matlamat organisasi boleh dicapai dengan kekangan semasa PKP COVID-19 ini?

Kembali kepada bicara tentang hubungan dengan Allah SWT seperti ditegaskan dalam prakata buku ini, kita perlu yakin bahawa semua kejadian adalah di bawah urusan Allah dan tiada musibah yang diberi tanpa sebab. Keyakinan ini menyebabkan kita akan kurang merungut, berusaha untuk menyesuaikan keadaan dan secara tidak langsung mampu menggunakan potensi diri untuk berinovasi dan melakukan sesuatu yang di luar kebiasaan. Ini semua adalah hikmah yang Allah beri selepas sesuatu ujian atau musibah kepada manusia, hanya jika kita menyedarinya.

## **Etos Kerja dari Perspektif Islam**

*“Etos bermaksud ciri sesuatu bangsa, budaya, era dan lain-lain” (DBP, 2017). “Etos dibentuk oleh pelbagai kebiasaan, pengaruh dan budaya serta sistem nilai yang diyakini” (ms 50)*

Bab 2 menyenaraikan beberapa perkataan dari rujukan Al Quran berkaitan pekerjaan seperti perkataan ‘*itqon*’ memberi erti proses pekerjaan yang bersungguh-sungguh, menepati dan sempurna, ‘*amilu*’ (bekerja, ‘amal’ (perbuatan), ‘*wa’amilun*’ (mereka telah mengerjakan) dan sebanyak 602 perkataan lagi yang berkaitan tentang kerja. Kerja dalam pengertian yang luas adalah semua bentuk usaha yang dilakukan oleh manusia.

Bab ini mengupas etika kerja dalam Islam yang berlandaskan taqwa iaitu kesedaran bahawa Allah sentiasa melihat, mengawal, dan akan menghisab seluruh amal perbuatan secara adil di akhirat. Etika kerja dalam Islam bermula dengan mencontohi Rasulullah SAW mengajar tentang etika memilih seseorang yang akan diserahkan tugas mengikut keahlian, keimanan dan kedalaman ilmunya. Diikuti dengan ‘*niat*’ atau dorongan dalaman untuk mengerjakan sesuatu atau tidak melakukan sesuatu. Kemudian ‘*akhlak*’ dalam pekerjaan yang merangkumi semangat bekerja, tingkah laku, kesungguhan dan pengabdian kepada Allah yang maha suci. Untuk mengaplikasikan dimensi kebaikan perhubungan dengan manusia, perlu dimasukkan konsep ‘*ihsan*’

dalam etika kerja dalam Islam sama ada kepada manusia, alam dan semua makhluk Allah di muka bumi kerana Allah SWT tidak menyukai orang-orang yang membuat kerosakkan.

Bab ini juga mengupas konsep kualiti dalam etika kerja dalam Islam yang dirangkumkan melalui perkataan *Ash-Shalah* (Baik dan bermanfaat), *Al-Itqan* (Kemantapan atau *perfectness*), *Al-Mujahadah* (Kerja keras dan optima), *Tanafus* dan *Ta'awun* (bersaing dan tolong-menolong) dan *Jihad*.

Bab ini mengajar kita merenung diri bagi meningkatkan kualiti iman dan taqwa, memperbaiki niat bekerja, meningkatkan sifat ihsan kepada orang lain dan membaiki keikhlasan bekerja supaya bidang pekerjaan kita menjadi ibadah dalam semua keadaan. Kupasan berkaitan dengan kualiti dalam tugas ini perlu dijelmakan semasa bekerja di rumah ketika PKP COVID-19. Pekerja dituntut supaya mengekalkan kualiti kerja dengan membuat perubahan tingkah laku yang dijelmakan dari pemikiran yang rasional dan keikhlasan hati dalam melakukan kerja walaupun bekerja tanpa pengawasan pihak atasan.

## **Etos Kerja Guru**

Bab 3 berfokus kepada Etos guru dari persepektif watak guru yang dipegang oleh pemimpin institusi pendidikan iaitu pengarah, pengetua atau guru besar. Mereka perlu memiliki kemampuan, ketrampilan dan kecerdasan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi merangsang iklim kerja yang baik, prasarana yang tersedia dan galakan yang mencukupi kepada para guru, pelajar dan individu lain di sekolah. Indikator Etos Kerja yang baik kepada guru ialah kemampuan bekerja secara optimum, berinisiatif, norma diri yang baik, dan gaya komunikasi yang berkesan. Impak Etos Guru yang profesional dalam disiplin ilmu pendidikan adalah perkembangan kualiti kerja dan peningkatan produktiviti melalui motivasi kerja.

Cabaran PKP COVID-19 kepada Etos Guru ialah cara untuk mengekalkan kualiti kerja dalam keadaan perubahan *setting* sistem persekolahan (konsep Sekolah Dari Rumah, konsep Guru Maya dan konsep Teknologi atau Komputer Menyokong Pengajaran, Pembelajaran dan Pentaksiran Dalam Talian). Konsep Mengajar Dalam Kelas (bersemuka) berubah kepada Mengajar Secara Dalam Talian (tidak bersemuka), mod segerak atau tanpa segerak, guru menyediakan tugas dalam talian secara kreatif dan pelbagai, menguasai teknologi melalui pembelajaran sendiri, menggunakan internet, video *Youtube*, modul dalam talian dan sebagainya.

Guru juga perlu mula aktif dalam komuniti guru untuk mencari jalan penyelesaian bagi isu PdP melalui bantuan rakan selain mengurus tugas pelajar, membuat pentaksiran dalam talian dan memberi konsultasi secara



## Kelebihan Bulan dan Hari serta Amalan Wirid dan Doa

Dr. Rusminah binti Musliman  
(Institut Pendidikan Guru Malaysia)



Pengarang : Abul Khairy Al-Latifi

Penerbit : Darul Nu'man

Tahun : 1999

### Pendahuluan

Buku Kelebihan Bulan dan Hari serta Amalan Wirid dan Doa, hasil karya Abul Khairy Al-Latifi ini menjelaskan tentang kelebihan bulan-bulan dan hari-hari tertentu di sisi Allah SWT serta wirid dan doa yang sepatutnya kita amalkan dalam bulan-bulan dan hari-hari tersebut. Di dalam buku ini juga dinyatakan bahawa sesungguhnya Allah SWT telah memilih daripada setiap perkara itu sebanyak empat perkara yang mulia. Seterusnya Allah memilih satu daripada empat perkara tersebut sebagai yang paling mulia. Perkara tersebut termasuklah berkaitan malaikat, nabi, sahabat, masjid, hari, malam, dan bulan.

### Kelebihan Bulan

Kita sedia maklum bahawa terdapat dua belas bulan dalam kalendar Islam, iaitu Muharram, Safar, Rabiulawal, Rabiulakhir, Jamadilawal, Jamadilakhir, Rejab, Syaaban, Ramadan, Syawal, Zulkaedah, dan Zulhijjah. Di dalam buku ini, penulis berkongsi pengetahuan bahawa antara kesemua dua belas bulan tersebut, Allah SWT memilih empat bulan yang utama, iaitu bulan Rejab, Syaaban, Ramadan dan Muharram; dan kemudiannya Allah memilih bulan Syaaban.







## Aku Bukan Liabiliti: Motivasi dan Pedoman Berjuang di Medan Ilmu

Dr. Kamisah binti Buang  
(IPG Kampus Tun Hussin Onn)



Pengarang : Dr. Norliza Kushairi

Penerbit : MZ Edu Publications, Selangor  
Darul Ehsan

Tahun : 2018

### Pendahuluan

Buku 'Aku Bukan Liabiliti' merupakan karya berbentuk motivasi yang mengandungi pedoman-pedoman atau tip yang dapat membantu pembaca membentuk kekuatan dalaman. Penyampaian buku ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian 1 penulis berkongsi tentang Konsep Redha, Restu dan Rela (3R). Bahagian 2 'Ph.D Bukan Berseorangan' yang membincangkan tentang peranan orang di sekeliling dalam memberi sokongan dalam proses melengkapkan pengajian. Bahagian 3: Ph.D dan Minda Bawah Sedar membincangkan tentang kekuatan mental dan pentingnya kesihatan mental dalam menghadapi cabaran dalam pengajian. Dalam Bahagian 4 penulis meluahkan isi hati melalui empat sub-bahagian Monolog Ph.D 1, Monolog Ph.D 2, Monolog Ph.d 3 dan Monolog Ph.D 4. Buku ini sangat bermanfaat kepada individu yang sedang atau berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah, terutamanya mereka yang perlukan persediaan diri ke luar negara dan menyiapkan laporan penyelidikan atau melengkapkan tesis yang sangat mencabar.

## **Doktor Falsafah Bukan Sekadar Ijazah**

Semua calon Doktor Falsafah perlu sedar bahawa perjuangan untuk mendapatkan ijazah itu bukan sesuatu yang mudah, tidak akan sama dengan orang lain dan tidak semua berjaya untuk mendapatkannya. Banyak perkara yang timbul dalam perjuangan untuk mendapatkan segulung Ijazah Kedoktoran. Buku ini memberi manfaat kepada rakan-rakan pensyarah dan guru yang sedang melaluinya. Perkongsian ini memberi manfaat kepada pembaca bukan sahaja untuk tujuan melengkapkan pengajian malah dalam perjalanan kerjaya yang seterusnya.

Sebagai pemilik Ijazah Kedoktoran, saya yakin perkongsian ini memberi manfaat kepada sahabat-sahabat yang sedang berjuang terutamanya dalam meningkatkan kualiti diri. Menimba ilmu dengan mendapatkan Ijazah Kedoktoran adalah dua frasa yang perlukan komitmen dan disiplin yang berbeza. Menimba ilmu boleh berlaku di mana-mana dengan pelbagai cara sama ada melalui pembacaan bahan bercetak atau melalui teknologi terkini.

Sebaliknya laluan untuk mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah bukan satu laluan yang mudah. Mendaftar pengajian ke peringkat Doktor Falsafah umpama melangkah ke medan juang. Di medan juang itu, kreativiti sangat penting dalam mengolah pelbagai strategi untuk konsisten hingga ke garisan penamat dan menang pada akhir peperangan.

Semua nilai dan kekuatan dalaman ini penting untuk diamalkan dalam melaksanakan tugas. Penulisan, penyelidikan dan penerbitan adalah sebahagian daripada bidang tugas yang perlukan komitmen dan ketahanan untuk melengkapkannya. Kejayaan dalam menggenggam Ijazah Doktor Falsafah tidak bermakna jika langkah terhenti pada hari Konvokesyen. Perkara yang lebih penting ialah bagaimana pemegang Ph.D memanfaatkan ilmu dan segala kekuatan yang diperoleh untuk membantu rakan-rakan dan organisasi selepas bergraduat.

## **Disiplin Dalam Perjuangan**

Saya menyokong pandangan penulis bahawa disiplin sangat penting untuk berjaya. Disiplin menentukan perjalanan ke destinasi akhir dilaksanakan dengan baik dan mencapai matlamat. Dalam hal ini, disiplin diri dalam merancang dan mematuhi jadual sangat penting bagi memastikan proses pengajian dapat terlaksana seperti jadual yang dirangka oleh pihak universiti. Bagi pelajar separuh masa, situasi ini lebih mencabar.

Perjuangan ini menuntut komitmen dan disiplin yang tinggi untuk memenuhi dan mengutamakan jadual pengajian berbanding dengan perkara-perkara



## **Ilmu Pemangkin Kualiti Diri**

Buku ini memberi manfaat kepada saya dalam meningkatkan ilmu dan kualiti diri saya sebagai seorang khalifah di muka bumi ini. Menyedarkan diri tentang banyak perkara yang perlu ditingkatkan; Tahap reda dalam menghadapi pelbagai ujian daripada Allah; Tahap sabar dalam menempuh cabaran demi cabaran yang tidak pernah henti dalam hidup dan banyak lagi.

Melalui pembacaan ini, ‘Mujahid Ilmu’ yang disebut dalam buku ini meningkatkan inspirasi saya untuk terus mendalami bidang-bidang lain merentas pelbagai disiplin yang berkaitan dengan pendidikan, khususnya dalam bidang penulisan dan penerbitan. Buku ini memberikan input tambahan kepada saya sebagai seorang penyampai ilmu dan sebagai seorang pensyarah untuk meningkatkan motivasi kepada siswa guru. Mereka sangat perlukan tip dalam buku ini sebagai bekalan untuk melalui perjalanan yang jauh sebagai warga pendidik.

Saya menyokong pandangan penulis, bahawa perjalanan untuk mendapatkan Ph.D perlukan banyak ilmu sama ada yang berkaitan dengan kajian, atau tentang pengurusan diri, pengurusan masa, pengurusan emosi dan banyak lagi yang saling berkaitan dan menyokong antara satu sama lain. Kepentingan menuntut ilmu ini banyak disebut dalam al-Quran. Antaranya dalam surah al-Baqarah ayat 269, yang menegaskan bahawa orang yang berilmu akan diberikan kebaikan di dunia dan akhirat. Ilmu ini nanti yang menjadi pemangkin dalam membangunkan kualiti diri.

## **Menyantuni Keluarga**

Ijazah tidak sampai ke tangan tanpa sumbangan dari orang lain. Kejayaan yang diraih adalah untaian sumbangan dan bantuan daripada pihak lain terutamanya ibu bapa. Tanggungjawab kepada bahagian biasiswa untuk menyempurnakan pengajian bukan tiket untuk mengabaikan ibu bapa atau suami atau anak-anak. Tugas dan amanah sebagai anak tetap dituntut dalam al-Quran, contohnya dalam surah al-Isra’ ayat 23. Semua anak dituntut berbuat baik kepada orang tuanya, walaupun semua orang ada cara tersendiri untuk menyantuni kedua-dua ibu bapa. Begitu juga kepada suami atau isteri dan kepada mereka yang sudah berkahwin. Mereka perlu menyantuni pasangan, anak-anak, dan ahli keluarga dengan baik dan tidak mengabaikan tanggungjawab disebabkan oleh pengajian.



# Revolusi Hati

## Ajari Hatiku Agar Bersyukur

Dr. Siti Nafsiah binti Ismail  
(Institut Pendidikan Guru Malaysia)



Pengarang : Diyana Tahir  
Penerbit : EHATI Centre  
Tahun : 2016

### Pendahuluan

Buku ‘Revolusi Hati Ajari Hatiku Agar Bersyukur’, hasil karya Diyana Tahir ini menceritakan bagaimana seorang wanita kembali bangkit melawan permasalahan dalam kehidupannya. Penulis kembali dengan lebih bersemangat setelah menemui titik perubahan. Buku ini juga mengisahkan kejayaan penulis dalam mencari satu kata kunci yang amat bermakna bagi membetulkan semula kehidupannya dengan tenang. HATI adalah kunci kepada segala-galanya. Penulis berjaya mencari ubat kepada hati dan juga melatih hati supaya lebih tenang dan bahagia. Setiap ujian hidup pasti mempunyai rahsia. Dalam buku ini kita juga diajar cara untuk mengawal emosi dan mengelakkan tekanan melalui latihan yang diajar dari hari pertama hingga hari ke dua puluh satu. Kita dilatih bagaimana mengubah cara pemikiran dan pandangan dalam hidup supaya lebih mempunyai jiwa dan matang dalam menghadapi kehidupan. Latihan-latihan yang dibuat bertujuan untuk mendidik kita lebih bersikap terbuka, mensyukuri, sedar kelebihan dan kelemahan diri serta lebih menyayangi dengan ikhlas.

### Gelora Hati

Penulis ingin berkongsi kebahagiaan dan kedamaian yang telah tersembunyi dalam hati kita terutama bagi seseorang yang mempunyai masalah seperti

rumah tangga, depresi dan pelbagai konflik dalam diri. Penulis pernah mengalami kegagalan kecewa dan menderita selama 7 tahun akibat daripada terpaksa berhenti kerja, rumah dilelong, kereta ditarik dan hutang keliling pinggang. Keadaan ini menyebabkan penulis mengalami depresi dalam hidupnya;

***“Setiap kesusahan yang berlaku ada banyak kesenangan yang datang. Hadiah terbesar krisis pada saat ini adalah kesempatan untuk hidup dan menyadari Allah beri kita peluang dan ruang untuk baiki apa yang mampu”.***

Penulis berusaha untuk mengubah hidupnya dengan menyertai banyak program motivasi dan pembangunan diri tetapi perubahan positif hanya sementara sahaja. Penulis masih merasakan perasaan negatif sentiasa merajai dirinya;

***“Kegelapan tidak akan dapat merubah kegelapan, pencerahanlah yang mampu mengubah kegelapan tersebut”.***

## **Ujian Hati**

Akhirnya penulis menemui jawapan iaitu perlu menanam perasaan yang positif dengan latihan mendamaikan fikiran setiap hari adalah kunci kedamaian hidup. Seperti tubuh badan kita memerlukan makanan yang sihat dan berkhasiat setiap hari, fikiran dan hati juga begitu. HATI memerlukan santapan yang berbentuk inspirasi, refleksi dan soalan-soalan yang membina setiap hari. Ketika fikiran damai, hati juga damai dan ketika hati damai, kesedaran diri juga menjadi semakin bertumbuh hari demi hari.

Dalam pencarian ubat hati ini, penulis menjumpai punca pada permasalahannya iaitu fikiran dan perasaan yang penuh dengan sampah dan tidak terurus. Ia berpunca daripada ketidaktahuan, kesalahfahaman, kebodohan, kesombongan dan kesilapan yang telah penulis lakukan sepanjang hidupnya. Akhirnya penulis bertekad melakukan latihan fikiran, hati dan fizikal setiap hari. Hasilnya penulis lebih mudah mengurus fikiran dan perasaan dengan lebih baik walau apa pun cabaran dan dugaan yang hadir. Penulis merasa lebih tenang dan mudah untuk mensyukuri setiap perkara yang berlaku pada setiap saat.

## Nikmat Bersyukur

Apabila membaca buku ini, saya merasakan keperluan untuk kita menjaga hati kita dengan lebih baik, sentiasa berfikiran positif, didik dan bajai hati kita dengan perkara-perkara yang baik. Jika hati kita sakit, nescaya kehidupan kita juga akan jadi sakit. Dalam situasi ini, ketika kita semua diuji, kita perlulah menerima qada dan qadar datangnya daripada Allah SWT. Sesungguhnya sama ada nikmat atau musibah semuanya daripada Allah SWT. Dalam erti kata lain, kita sentiasa perlu muhasabah diri untuk memperbaiki kelemahan diri menuju ke arah kebaikan. Semoga nikmat syukur itu sentiasa melekat di hati dan sehati dalam kehidupan kita.

Dalam buku ini juga terdapat latihan untuk mendidik hati kita bermula dari hari pertama sehingga hari ke-21. Latihan ini adalah bagi membentuk cara kita berfikir dan berperasaan serta membantu kita menjadi damai dan lebih tenang.

## Panduan Hidup Bahagia

Beberapa ungkapan yang amat bermakna dalam buku ini yang boleh kita jadikan panduan untuk ajari hati kita ialah:

**Kemaafan** bukan hanya menyelamatkan orang lain tetapi juga membebaskan diri kita sendiri dari belunggu jiwa yang menyeksakan. Hidup ini akan menderita jika kita tidak memaafkan. Hidup ini akan menjadi damai ketika hati memaafkan. Apalah sangat kesalahan orang terhadap kita jika kita hendak bandingkan kesalahan dan dosa kita terhadap Allah. Namun, Allah sentiasa memaafkan kita dengan merujuk al-Quran, Surah Yusuf ayat 92 yang bermaksud:

الرَّاجِمِينَ أَرْحَمَ وَهُوَ لَكُمْ اللَّهُ يَغْفِرُ الْيَوْمَ عَلَيْكُمْ تَثْرِبَ لَا قَالَ

*Dia (Yusuf) berkata, "Pada hari ini tidak ada cercaan terhadap kamu, mudah-mudahan Allah mengampuni kamu. Dan Dia Maha Penyayang di antara para penyayang" (Q.S Yusuf: 92).*

Ketika kita terlalu fokus untuk mendapatkan sesuatu daripada orang lain, sesungguhnya ketika itu kita sedang menyerahkan kunci kebahagiaan kita kepada orang lain. Sebagai contoh, kita mahu pasangan menyayangi kita. Kita mahu anak-anak menghormati kita. Kita mahu kawan-kawan menghargai kita. Dan kita mahu semuanya memenuhi kekosongan jiwa kita. Semuanya adalah tidak lain, melainkan untuk merasakan setitis kebahagiaan. Namun seberapa kerap pasangan kita seperti yang kita harapkan? Seberapa sering anak-anak mengecewakan kita? Adakah sering kali kawan-kawan menyakiti kita? Kebahagiaan yang diharapkan semakin jauh dan semakin hilang.

**Kebahagiaan bukan dengan mendapatkan** sesuatu tetapi kebahagiaan adalah ketika kita memberi sesuatu. Pemberian bukan sekadar wang ringgit tetapi apa-apa sahaja yang boleh kita buat agar ada makhluk yang senang, berbahagia dan senyuman menghiasi wajahnya. Tidak semua hal dapat dilakukan dengan kekerasan, lebih-lebih lagi ketika kita berhadapan dengan seseorang yang memiliki kekerasan hati. Ketika kita memaksakan kehendak, maka kita akan menyebabkan hati orang lain terluka atau diri kita sendiri yang terluka kerana paksaan boleh menimbulkan pertengkaran.

**Lakukanlah dengan lemah lembut dan kasih sayang** kerana ketika kita penuh dengan kesabaran dan kasih sayang, ketika itu juga kita mampu melembutkan kekerasan hati seseorang. Jangan pernah bermimpi untuk mengubah orang lain sebelum kita mampu untuk mengubah diri kita sendiri. Sesungguhnya ketika hati kita keras, ketika kita marah dan ketika kita kecewa, kita sebenarnya hanya lupa bahawa di dalam diri kita ada kelembutan dan kasih sayang yang merupakan fitrah diri kita yang sebenarnya.

### **Pengajaran**

Sekarang ini kita sedang menghadapi ujian daripada Allah SWT melalui wabak Corona Virus atau COVID-19 ini. Selama ini mungkin kita sedikit alpa dengan kemewahan dan lebih mementingkan urusan dunia. Adakah Allah SWT ingin menjentik hati kita semua agar kita kembali sedar akan kekuasaannya. Hanya Allah SWT yang maha mengetahui. Semoga kita semua dijauhi dari musibah ini dan memohon keampunan dari Allah SWT.

*“Hidup ini bukan tentang siapa yang betul atau salah”  
Tetapi siapa yang mengambil peluang untuk memohon  
maaf dan memaafkan”.*

### **Bibliografi**

Azahar Yaakub. (2018). Lima cara syukur untuk hidup bahagia.

Diyana Tahir. (2016). Revolusi diri ajari hatiku agar bersyukur.



## Be Strong #Pujuklah Hati 3

Azariah binti Yaacob  
(Institut Pendidikan Guru Malaysia)



Pengarang : Bonda Nor

Penerbit : Galeri Ilmu Sdn Bhd

Tahun : 2019

### Pendahuluan

Buku 'Be Strong # Pujuklah Hati 3' karangan Bonda Nor ini merupakan sebuah buku bersifat motivasi yang menerangkan bagaimana ingin mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada pada manusia dengan berlandaskan keimanan kepada Allah SWT. Buku ini mempunyai 70 tajuk kecil dengan jumlah 190 muka surat yang merangkumi rangkaian kata-kata motivasi, keimanan, kemanusiaan, mengenal pencipta manusia, kecekalan hadapi rintangan hidup dan bagaimana bangkit dari kekecewaan. Yang menariknya pengarang menggunakan konsep kata-kata motivasi yang disesuaikan dengan tajuk kecil yang ingin disampaikan dan ini amat memudahkan pembaca memahami intipati tajuk tema kecil tersebut. Penerangan di setiap tajuk tema adalah jelas dengan menggunakan '*caption*' dalam bentuk *tweet* serta penggunaan sirah dalam penyampaian maksud. Akhir sekali pengarang mengupas isu-isu dan cabaran yang perlu dihadapi oleh setiap manusia dalam kehidupan di samping menjadi seorang yang tabah menghadapi sebarang musibah dalam kehidupan.

### Bicara Hati Penulis

Hidup ini tidaklah sesukar mana mengikut penulis. Kalau kita tahu kita adalah hamba dan kita pilih untuk mengikut sahaja rentak takdir, semuanya akan

menjadi mudah. Penulis menceritakan bahawa dalam hidup ini manusia mempunyai dua pilihan fitrah. Fitrah yang pertama ialah manusia boleh memilih untuk menjadi taat. Dan yang kedua, manusia boleh memilih untuk tidak taat yakni memberontak.

Melalui sirah terawal tentang kewujudan manusia ada dinyatakan bahawa malaikat yang taat turut mempersoalkan kenapa Allah SWT menjadikan manusia (dengan izin Allah) kerana akhirnya manusia juga yang akan menyebabkan bumi ini menjadi hura-hara. Namun, hanya Allah SWT yang maha mengetahui di sebalik setiap kejadian. Lalu malaikat diminta untuk tunduk kepada Adam, maka malaikat taat menurut perintah Allah SWT. Sebaliknya, syaitan memilih untuk tidak taat kepada perintah Allah SWT dan dengan sombongnya berjanji akan menyesatkan manusia sehingga hari kiamat. Syaitan juga telah melihat azab neraka namun masih tetap tidak mentaati Allah SWT dan tiada lain maka nerakalah tempat mereka.

Mengambil contoh sirah tersebut, jadi sekiranya kita memberontak dalam sesuatu perkara maka ingatlah akan dua fitrah ini iaitu memilih untuk menjadi taat atau sebaliknya. Dalam situasi sekarang iaitu di saat kita diuji dengan wabak Corona Virus serta penguatkuasaan PKP, bagaimanakah reaksi kita?. Orang-orang yang beriman sudah pasti menerimanya sebagai takdir dan qada' qadar daripada Allah SWT tanpa sebarang kekecewaan atau kesedihan. Malahan menerimanya dengan hati yang lapang dan mengisi masa yang ada dengan sebaik-baiknya.

### **Alihkan Perhatian Kita**

Hidup ini ibarat satu sistem putaran. Ada masa kita akan merasa bahagia dan ada ketikanya kita rasa menderita. Persoalannya, bagaimanakah harus kita menghadapinya? Apabila rasa tertekan atau *stress*, maka berhentilah membuat perkara yang menyebabkan rasa tertekan atau *stress* tersebut. Alihkan perhatian kita kepada perkara-perkara lain selain yang membuatkan kita jadi *stress*.

***'When you feel down, just pause from anything that makes you tired'.***

Adakalanya masalah yang datang membuatkan kita rasa macam nak 'mati'. Jadi, manfaatkanlah rasa ini supaya kita sentiasa mengingati akan kematian dan dengan cara ini dapat membantu kita kembali menjadi kuat untuk terus melangkah. Berfikirlah bahawa nilai masalah yang kita hadapi tidaklah

sebesar yang kita sangkakan jika dibandingkan dengan musibah apabila sebaik sahaja nyawa kita direntap oleh-Nya.

### **Berbicara Dengan Dia**

Dalam buku ini juga penulis menceritakan tentang sirah berkaitan tiga lelaki yang bertawasul kepada Allah SWT. Mereka mengungkit kebaikan-kebaikan dalam usaha merayu kepada Allah SWT untuk mendapatkan bantuan-Nya. Ketiga-tiga lelaki itu telah terperangkap dalam sebuah gua dan akhirnya terselamat setelah Allah SWT menerima tawasul mereka.

Allah SWT sangat suka jika kita selalu mengungkit kebaikan-kebaikan kepada-Nya, kerana itu adalah tanda bahawa kita percaya kepada-Nya. Kita patut berkorban sesuatu untuk Allah SWT nescaya kita akan merasa kemanisan iman dan rasa keseronokannya hidup bertemankan Allah SWT. Selalulah bercakap-cakap dengan-Nya terutama apabila waktu kita berseorangan. Merayulah bantuan-Nya dengan menyebut pergorbanan dan kesungguhan kita dalam menjadi hamba-Nya.

Saat Ibnu Ummu Maktum iaitu si miskin lagi buta diangkat darjatnya, ketahuilah bahawa kemuliaan itu bukan terletak pada pangkat dan harta, tetapi pada kesungguhan manusia untuk menyucikan jiwa. Rasulullah SAW pernah juga mengakui kesilapannya, ini bermakna sikap merendah diri itu adalah satu kemuliaan. Mengalah bukan bermakna tidak menang. Ternyata manusia itu adalah lemah sifatnya dan kita perlu mengambil ikhtibar daripada sirah Ibnu Ummu Maktum dan Rasulullah SAW seperti yang dinyatakan berikut;

***Hanya yang paling sempurna itu adalah  
Maha Suci Allah SWT.***

### **Jalan ke Syurga**

Menurut penulis betapa mudahnya jalan menuju ke syurga. Manusia perlu membuang sifat ego dari hati. Disebabkan ada sifat keegoan inilah yang menyebabkan keengganan manusia untuk menerima takdir yang tidak selari dengan hati.

***Amar makruf nahi mungkar! Buat apa yang  
diperintah, tinggalkan apa yang ditegah.***



# Lelaki Terakhir Menangis Di Bumi

Dr. Azahar bin Aziz  
(Institut Pendidikan Guru Malaysia)



Pengarang : Musa Nuwayri

Penerbit : DU Book Press Sdn Bhd

Tahun : 2016

## Pendahuluan

Buku 'Lelaki Terakhir Menangis Di Bumi' ini adalah naratif pengalaman penulis sendiri dalam membantu pelarian Syria yang terdampar di bumi Jordan. Garapan yang dinukilkan dalam buku ini adalah sebuah catatan peribadi yang dilalui sendiri oleh penulis sewaktu menjadi penuntut dalam bidang Syariah di Universiti Al-Bayt Mafraq, Jordan. Gaya bahasa yang mudah dan penceritaan yang menarik disusuli dengan gambar-gambar menambahkan lagi tarikan pengulas untuk terus menyelami helaian demi helaian sehingga ke halaman terakhir. Buku ini menceritakan bagaimana seorang anak muda yang berumur 19 tahun berjaya menubuhkan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di bumi Jordan ketika menuntut di sana untuk membantu pelarian Syria yang melarikan diri daripada kekejaman pemerintah di tanah air mereka sendiri. Namun, penghijrahan pelarian Syria ini dipenuhi pelbagai onak duri yang menjadi pencetus utama penulis menubuhkan pertubuhan yang dinamakan 'Tangisan Syria Di Bumi Jordan'. Segala catatan pengalaman sepanjang melibatkan diri dengan NGO ini akhirnya diterjemahkan dalam sebuah naskhah yang berjudul 'Lelaki Terakhir Menangis di Bumi'.



## **Bermulanya Sebuah Perjuangan**

Bermula dari bab 6 sehingga 16, buku ini padat dan sarat dengan pelbagai kisah pahit, manis, suka dan duka penulis dalam melayari kehidupan bukan sahaja sebagai seorang penuntut, bahkan juga sebagai seorang sukarelawan atau aktivis sosial yang ikhlas memperjuangkan nasib pelarian Syria yang terdampar di bumi Jordan. Antara lain termasuklah kisah bermulanya projek bantuan terhadap pelarian Syria ini, lawatan ke kem-kem pelarian yang berselerakan, pengagihan bantuan makanan dan juga saat getir ketika berhadapan dengan musim sejuk. Jika disoroti dari awal buku ini, jelas menampakkan sifat nakal penulis ketika usia remajanya yang seringkali melanggar peraturan khususnya di asrama sekolah. Namun, sifat itu sekelip mata terus terpadam dan berubah sebaik beliau menjejakkan kaki di bumi Jordan diibaratkan seperti memadamkan dokumen yang ditaip di dalam komputer riba atau telefon pintar.

Pengalaman penulis bertemu dan berbual sendiri dengan seorang anak kecil yang berseluar lusuh dan memegang kotak gula-gula getah di bandar Mafraq tempat penulis membeli barangan keperluan pada hari pertama menjejakkan kaki di bumi Jordan mencetuskan pelbagai persoalan di benak fikiran penulis. Anak kecil ini hanyalah seorang daripada puluhan dan ratusan anak-anak kecil pelarian Syria yang terpaksa dan dipaksa bekerja untuk mencari nafkah membantu keluarga mereka. Timbul persoalan dalam kepala penulis siapakah yang membela nasib dan kehidupan mereka di bumi Jordan yang menjadi negara tumpangan mereka? Selepas menyaksikan deretan khemah-khemah pelarian Syria lainnya yang berselerakan berhampiran universitinya, akhirnya timbul satu kesedaran yang mendalam pada diri penulis untuk bangkit dan membantu pelarian-pelarian ini membela nasib mereka. Inilah yang menjadi pendorong utama penulis menubuhkan sebuah pertubuhan yang akhirnya dikenali dengan nama 'Tangisan Syria Di Bumi Jordan' (TSDBJ).

Bab-bab seterusnya mengisahkan pengalaman penulis berdepan dengan keluarga pelarian Syria yang sarat dengan pelbagai kisah suka dan duka. Antaranya termasuklah kisah bagaimana terdetiknya hasrat penulis untuk membuka sekolah khusus untuk anak-anak pelarian Syria selepas menyaksikan ramai daripada mereka yang tidak berpeluang untuk bersekolah dan langsung tidak tahu membaca dan menulis. Meski pun akhirnya penulis dan rakan-rakan seperjuangannya berjaya menubuhkan sebuah sekolah yang menempatkan hampir 250 orang anak-anak pelarian Syria ini, namun cabaran dan rintangan yang dihadapi untuk mendapatkan sijil pengiktirafan sekolah berkenaan begitu perit sehingga mengancam nyawa penulis sendiri. Hal ini ditambah lagi dengan pelbagai karenah bangsa Arab yang mengikut penulis begitu rakus dan kuat menipu. Malah rakan kongsi Arab yang selama ini amat dipercayai juga turut mengkhianati mereka.

## Pengajaran Di Sebalik Peristiwa Yang Berlaku

Natijah daripada kisah yang diketengahkan di dalam buku ini, pengulas tertarik dengan beberapa ungkapan yang wajar direnungkan dengan lebih mendalam sebagai iktibar. Antaranya ialah:

*“Biasalah perjuangan kemanusiaan ini tidak semua faham. Namanya sahaja sudah kemanusiaan, pasti hanya manusia yang benar-benar manusia yang faham... Aku yakin mereka akan berhenti sendiri apabila mereka penat nanti”.*

Ungkapan ini dinukilkan oleh penulis saat menerima kata-kata semangat daripada seorang sahabat tatkala berdepan dengan pelbagai kecaman di awal penubuhan TSDBJ. Menariknya, ungkapan ini benar-benar memberi impak apabila dikaitkan dengan fenomena dan hakikat yang berlaku pada zaman media sosial hari ini. Seringkali apabila berlaku sesuatu isu sama ada yang bersifat negatif atau pun positif, pelbagai komen dan kecaman dilontarkan di laman sosial. Tidak terkecuali juga dengan situasi pandemik Covid-19 sekarang yang menyaksikan pelbagai kecaman dan komen negatif dihamburkan oleh kumpulan yang bergelar netizen. Antaranya termasuklah isu bantuan kepada rakyat yang terkesan dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang menyaksikan ramai golongan yang tidak dapat bekerja untuk menjana ekonomi keluarga. Meskipun pelbagai inisiatif dilakukan dan diberikan oleh pelbagai pihak, namun dalam masa yang sama, pelbagai komen berbaur negatif tetap dilontarkan di ruangan media sosial.

Ungkapan seterusnya yang begitu berbekas di hati pengulas ialah:

*“Aku pergi dulu, insya Allah kita jumpa lagi...Semoga Allah memudahkan urusan kamu. Dan semoga Allah memberi kejayaan di dalam peperiksaan kamu berdua”.*

Ungkapan yang begitu berbekas di hati pengulas seperti di atas, merupakan catatan daripada salah seorang sahabat penulis yang ketika itu sedang menjamu selera di sebuah restoran bersama seorang lagi rakannya. Sewaktu menjamu selera itu, sahabat penulis ternampak dua orang kanak-kanak pelarian Syria yang sedang menjual gula-gula getah di luar restoran berkenaan, lalu timbul perasaan kasihan dan dipelawanya mereka berdua untuk turut sama menikmati hidangan malam. Jika dihayati, ia hanyalah sebuah doa yang biasa sahaja sebagai tanda terima kasih. Namun, perkara yang menjadikannya luar biasa adalah kerana doa tersebut datangnya daripada seorang anak kecil yang baru berusia lapan tahun.

Dalam buku ini juga, penulis turut menceritakan tentang bagaimana dirinya ditipu hidup-hidup oleh rakan kongsi berbangsa Arab yang selama ini dipercayainya. Namun terdapat juga sisi protagonis bangsa Arab yang menarik perhatian pengulas. Salah satunya adalah sikap meraikan tetamu yang bertandang ke rumah oleh masyarakat Arab.

## Rumusan

Buku ini amat sesuai dibaca oleh semua golongan tanpa mengira usia. Judulnya yang unik dan hiasan kulit yang menarik serta gaya penceritaan yang menarik dan bersahaja menyebabkan sukar untuk mempercayai hakikat bahawa ini merupakan manuskrip sulung penulis.

Bagi golongan muda, buku ini sangat sesuai dibaca sebagai pencetus semangat untuk berjuang mencapai cita-cita hidup yang sebenar, bagaimana mengenal erti pengorbanan sebenar sebelum sesuatu kejayaan digapai dan bagaimana usia muda yang sebenarnya itu harus dilayari dan bukan sekadar bersuka ria tanpa sebarang matlamat akhir dalam hidup. Bagi golongan yang lebih berusia, buku ini dapat menjadi inspirasi untuk lebih menghargai erti sebuah kehidupan serta kesyukuran dengan segala nikmat yang telah dianugerahkan Allah di bumi Malaysia yang bertuah ini.

Hasil pembacaan buku ini juga boleh menjadi pencetus semangat kepada mereka yang ingin berjinak-jinak dengan aktiviti seumpama ini. Pengulas yakin dan percaya bahawa segala aktiviti kesukarelawanan dan misi kemanusiaan yang dilakukan ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang bersama kelompok yang berbeza. Semoga segala amal bakti yang dicurahkan oleh penulis kepada pelarian Syria ini menjadi asbab kepadanya mendapat ganjaran sebaik-baiknya di sisi Allah SWT sebagaimana hadis Nabi SAW yang bermaksud:

*“Daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi SAW, baginda bersabda: Barangsiapa yang melepaskan seorang mukmin daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan dunia, nescaya Allah akan melepaskannya daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan kiamat. Barangsiapa yang mempermudah bagi orang susah, nescaya Allah akan mempermudah baginya di dunia dan akhirat”. (Hadis Riwayat al-imam Muslim)*

## Bibliografi

Hadis 40 Imam An-Nawawi <http://www.geocities.com/bahantarbiyyah>

# Membongkar Sejarah Kegemilangan Kota Dunia Islam

Dr. Idrul Hisham bin Ismail  
(IPG Kampus Dato' Razali Ismail)



Pengarang : Abu Hafiz Mustafa

Penerbit : Hijaz Reccords Publishing

Tahun : 2020

## Pendahuluan

Buku karangan Abu Hafiz Mustafa yang mengandungi sebanyak 20 tajuk kecil ini membongkar sejarah kegemilangan kota dunia Islam. Buku ini mengajak para pembaca untuk mengetahui sejarah kota-kota Islam, peristiwa yang berlaku, khazanah-khazanah peradaban dan masjid-masjid bersejarah yang dapat menambah pengetahuan serta kekaguman pembaca terhadap kejayaan Islam pada masa lalu.

Dalam buku ini, penulis memerihalkan perkembangan kota-kota Islam pada zaman keagungan pemerintahan Kesultanan Islam dengan gaya penulisan dan gaya bahasa yang amat menarik. Penulis juga menjelaskan dan memaparkan keagungan kota-kota Islam yang dibangunkan melalui satu perjuangan dan pengorbanan para sahabat Nabi Muhammad SAW yang begitu tinggi bagi mempertahankan kedaulatan dan keutuhan pemerintahan di kota-kota Islam. Banyak aspek dari segi sejarah kegemilangan Islam ketika era Nabi Muhammad SAW, Khulafa Ar-Rasyidin, Zaman Kerajaan Bani Umayyah, Bani Abbasiyah dan Empayar Uthmaniyyah dipaparkan dalam buku ini. Mampukah kita mengulang dan menjelmakan kembali, sejarah keagungan peradaban dan tamadun Islam ini?

## **Kepimpinan dan kekeluargaan**

Buku ini amat baik untuk dibaca kerana ia memberikan impak dari segi kepimpinan, kekeluargaan, pengajaran dan pembelajaran dalam konteks masa kini. Dari segi kepimpinan, penulis memaparkan kepatuhan dan taat setia para pengikut yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin mereka. Kesungguhan, sifat amanah dan pegangan nilai-nilai agama yang sangat mantap dalam menjalankan tugas menjadikan usaha memperkuatkan serta memperteguhkan kedaulatan negara dapat dicapai. Dalam konteks ini, Dr. Husain Mu'nist berpendapat bahawa peradaban adalah hasil daripada setiap kesungguhan yang dibangunkan manusia (Raghib Ar- Sirjani, 2011).

Buku ini juga mendedahkan kepada kita tentang amalan konsep kekeluargaan berdasarkan persaudaraan sejagat yang dipamerkan oleh pemerintah terutamanya sewaktu zaman pemerintahan Nabi Muhammad SAW dan Khulafa Ar-Rasyidin. Konsep kekeluargaan membantu memperkuatkan pertahanan dan ketaatsetiaan pengikut kepada pemimpinnya. Kota-kota Islam yang diperihalkan dalam buku ini memperluaskan konsep kekeluargaan ini melalui hubungan yang terjalin dengan negara atau kerajaan lain sehingga berlakunya hubungan dari segi politik, ketenteraan, ekonomi, budaya dan pendidikan.

## **Berlemah Lembut dalam Berdakwah**

Sikap para pendakwah pada masa itu amat mengagumkan kerana mereka bukan sahaja mampu menyebarkan agama Islam malah sifat lemah lembut mereka berjaya melembutkan hati para kelompok Syiah di Hadramaut untuk kembali ke pangkal jalan. Hal ini dijelaskan oleh penulis buku ini melalui petikan berikut;

*“Di Hadramaut, Imam al-Muhajir menyebarkan dakwah secara halus dan penuh kelembutan, sehinggakan ramai dari kelompok Khawarij, Syiah dan lain-lainnya bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam”.*

Paparan kisah Imam al-Muhajir ini menyelitkan satu pengajaran iaitu sebagai manusia, sikap berlemah lembut, dan sabar mampu melembutkan hati seseorang manusia yang keras dan degil. Sebagai seorang pendidik, pendekatan yang sama boleh dilaksanakan dalam proses memodifikasikan tingkah laku pelajar di dalam kelas.

Selain itu, sikap para sahabat yang mempamerkan pendirian dan semangat jati diri yang tinggi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan merupakan satu



persaudaraan sejagat tanpa mengira agama dan keturunan ditunjukkan oleh Dalai Lama iaitu ketua negara Tibet dalam membela orang-orang Islam di sana.

*“Maha suci Allah SWT yang telah mengurniakan kepada manusia segala kemuliaan: akal, ilmu, pandai berbincang, bentuk yang indah dan mulia, bentuk tubuh yang sedang, dapat menyerap ilmu-ilmu dengan cara menyelidik dalil, dapat memiliki akhlak yang mulia seperti berbakti, taat dan patuh” (Surah al-Mukminum, 23:14) (Amazing Al-Quran, 2015).*

### **Ikatan Kekeluargaan dan Berkasih Sayang**

Salah satu aspek penting yang dipaparkan melalui kandungan buku ini ialah ikatan kekeluargaan. Bagaimanakah kita mengaplikasikan aspek kekeluargaan yang dipamerkan oleh para pemimpin dan para sahabat Nabi SAW dalam kehidupan masa kini?. Tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan masa yang amat sesuai untuk bersama-sama keluarga, merancang aktiviti yang mampu mengeratkan dan memupuk rasa kasih dan kemesraan sesama ahli keluarga melalui aktiviti solat berjemaah, makan bersama-sama, gotong-rotong membersihkan rumah, menonton televisyen dan sebagainya. Ikatan kekeluargaan yang mantap asas kepada kekuatan sesebuah negara.

Dalam suasana yang tidak menentu dan pergerakan yang terhad sewaktu PKP COVID-19, tugas mengajar dilaksanakan melalui Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian berdasarkan aplikasi *Google Classroom* (GC), dan *Google Meet Apps*. Strategi pengurusan masa perlu diamalkan dan dilaksanakan dengan cara yang berkesan. Tugasan mengajar pelajar dalam talian memang amat mencabar. Pengaplikasian ilmu dan kemahiran pengajaran terkini, memahirkan seseorang guru atau pensyarah. Desakan masa dan situasi menjadi motivasi bagi seseorang guru atau pensyarah untuk mendalami kemahiran tersebut demi kepentingan profesion dan para pelajar.

### **Kesimpulan**

Buku ‘Membongkar Sejarah Kegemilangan Kota Dunia Islam’ membuktikan bahawa Islam sebagai agama yang menyinari hidup penganutnya ke arah

kejayaan dunia dan akhirat. Nilai hidup dan kepimpinan yang berlandaskan kepada agama serta kepentingan ilmu mampu memajukan dan memartabatkan bangsa serta negara ke arah pembangunan duniawi dan ukhrawi. Penulis berjaya membuktikan berdasarkan fakta-fakta sejarah akan kegemilangan kota-kota Islam yang membina ketamadunan mereka melalui nilai dan ilmu yang berteraskan kepada agama. Justeru, buku ini amat bermanfaat dijadikan rujukan oleh semua pihak khususnya mereka yang ingin mencari kunci kepada teras pembangunan menuju pembentukan tamadun yang unggul.

## **Bibliografi**

Abu Hafiz Mustafa. (2020). Membongkar Kegemilangan Kota Dunia Islam. Petaling Jaya, Selangor: Hijjaz Records Publishing.

H. Idri, M. Ag. (2017). Hadis dan Orientalis: Perspektif Ulama Hadis dan Orientalis Tentang Hadis Nabi. Indonesia: Kencana.

Raghib Ar- Sirjani. (2011). Sumbangan Peradaban Islam Pada Dunia. Indonesia: Mu'asasa Iqra

Shamsul Mohd Nor. (2014). Sejarah Makkah dan Madinah. Rawang, Selangor: Nadi Minda Resources.


Amazing Al-Quran. (2015). Shah alam, Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.



*Sumber : Google*

# Muhammad Al-Fateh: Penakluk Konstantinopel

Dr. Norsita binti Ali  
(Institut Pendidikan Guru Malaysia)



Pengarang : Abdul Latip Talib

Penerbit : PTS EDAR

Tahun : 2017

## Pendahuluan

‘Muhammad Al-Fateh: Penakluk Konstantinopel’ karangan Abdul Latip Talib ini merupakan sebuah novel sejarah Islam yang mengisahkan perjuangan Sultan Muhammad Al-Fateh menawan kota yang paling kebal pada abad pertengahan. Kota Konstantinopel digambarkan sebagai sebuah kota yang tidak akan mampu ditakluki oleh sesiapa pun kerana kedudukannya yang strategik dan tenteranya yang kuat. Dalam novel ini dipaparkan kehebatan peperangan yang berlaku dan strategi peperangan yang diatur oleh Sultan Muhammad Al-Fateh menentang pihak bukan Islam. Sultan Muhammad Al-Fateh seorang tokoh yang cukup terkenal dan tiada tolok bandingnya dalam sejarah perkembangan Islam yang mengukuhkan Empayar Uthman Turki. Baginda berjaya merealisasikan sebuah hadis Rasulullah SAW yang telah ramai dalam kalangan sahabat mencuba sebelumnya iaitu menawan Kota Konstantinopel.

## Hikmah di Sebalik Kejadian

Buku ini digarap dengan begitu baik dan banyak pengajaran yang amat berguna boleh dijadikan panduan dalam kehidupan seharian. Bab 2, menceritakan tentang kelahiran Sultan Muhammad Al-Fateh ke dunia yang disambut dengan penuh gembira oleh ayahanda bonda dan seluruh rakyat jelata. Sultan Muhammad Al-Fateh telah dilahirkan pada malam Israk Mikraj 27 Rejab tahun 8035 Hijrah bersamaan 3 Mac 1432 M.

Penulis mengingatkan pembaca agar percaya kepada ketentuan Ilahi dalam segala apa yang berlaku pasti ada hikmah yang tersembunyi.

***“Segala-galanya atas kehendak Allah. Sekiranya itu ketentuan-Nya, kita perlu redha, pasti ada hikmah yang tersembunyi” (ms.12).***

Ketika Permaisuri Aishah bergelut kesakitan untuk melahirkan zuriat, suaminya Sultan Murad tidak henti-henti membaca kitab suci al-Quran untuk menenangkan jiwa yang gundah gulana. Setelah mendengar perkhabaran gembira pula, Sultan Murad melakukan sujud syukur. Dalam keadaan kita yang sedang dilanda musibah COVID-19 ini, sebagai umat Islam kita perlu yakin pasti ada hikmah di sebaliknya dan ketika berada dalam kesusahan hendaklah kita mencontohi Sultan Murad dengan berpegang teguh dengan al-Quran dan ketika bergembira juga hendaklah kita bersyukur kepada-Nya.

## Ketegasan dalam Mendidik

Sejak dari kecil, Sultan Muhammad Al-Fateh dididik supaya hidup secara sederhana dan bebas bergaul bersama-sama rakan-rakan sebayanya. Namun begitu, sehingga berumur 5 tahun, baginda masih leka bermain dan tidak berminat untuk belajar al-Quran menyebabkan ayahandanya mencari ulama yang tegas dan garang untuk mendidik Muhammad Al-Fateh.

***“Kita cari ulama yang tegas dan garang bagi mengajarnya” (ms. 25).***

Ayahanda baginda yang sangat mementingkan pendidikan agama telah menyerahkan Al-Fateh di bawah asuhan ulamak-ulamak terkenal dan terkemuka sejak dari kecil lagi. Gurunya diberi kebenaran untuk merotan di hadapan kawan-kawannya sehingga menyebabkan Sultan Muhammad al-Fateh merasa sakit, malu dan menangis. Peristiwa tersebut sangat berkesan dan

menyebabkan baginda insaf dan berazam ingin menghafal al-Quran bersungguh-sungguh. Akhirnya baginda berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran.

Selain daripada itu, baginda juga mendalami pelbagai ilmu seperti ilmu Tafsir al-Quran, belajar ilmu Hadis, mendalami ilmu Fekah, 4 Mahzab dan sebagainya. Dari sudut akademik pula baginda turut belajar matematik, logik, mantik, ilmu falak, strategi peperangan, memanah dan sebagainya. Ketika berusia 21 tahun baginda telah cekap mendalami dan bercakap dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Arab, bahasa Turki, bahasa Parsi, bahasa Yunani, bahasa Ibrani dan bahasa Seriani. Pengajaran yang boleh diambil ialah ibu bapa perlu bertegas dalam mendidik, tidak terlalu memanjakan dan anak-anak perlu dilengkapi dengan pelbagai jenis ilmu serta penguasaan bahasa yang pelbagai untuk masa depan yang cemerlang dan gemilang.

### **Pemimpin Baik, Tentera Baik, Rakyat pun Baik**

Sultan Muhammad Al-Fateh telah ditabalkan sebagai khalifah pada 5 Muharram 8055 Hijrah bersamaan dengan 07 Februari 1451 Masihi, ketika berumur 19 tahun. Setelah menjadi khalifah, fokus utama baginda adalah ingin merealisasikan impian sahabat-sahabat sebelumnya untuk menakluk kota Konstantinopel. Namun begitu, pemimpin sebaik Muhammad Al-Fateh pun masih memerlukan pasukan tentera yang baik untuk melaksanakan misi membebaskan Konstantinopel.



Sultan Muhamad Al-Fateh telah memerintahkan semua tenteranya untuk meningkatkan latihan ketenteraan pada waktu siang dan memperbanyakkan amal ibadat pada waktu malam. Semua tentera diwajibkan mengerjakan sembahyang fardhu lima waktu sehari semalam. Mereka yang sengaja meninggalkan sembahyang akan dihukum. Manakala syarat pengambilan tentera baharu pula mestilah dalam kalangan anggota yang kuat beragama.



Rakyat juga dididik supaya menajadi baik serta mematuhi undang-undang Islam supaya hidup aman damai. Dalam konteks negara kita yang berhadapan dengan PKP ketika ini, barisan kepimpinan yang baik sahaja belum mencukupi untuk mencapai sesuatu kejayaan andai ada dalam kalangan rakyat yang masih lagi tidak menurut arahan. Begitu juga dalam sesebuah keluarga, ibu bapa menjadi contoh teladan dan perlu mengawasi anak-anak supaya kekal berada di dalam rumah demi untuk membendung wabak COVID-19 daripada terus merebak.

### **Perancangan yang Teliti**

Perancangan untuk menakluk Konstantinopel dibuat dengan teliti dan terbahagi kepada dua aspek iaitu aspek militan dan diplomasi. Dari aspek militan, pertama sekali Sultan Muhammad Al-Fateh telah menyusun strategi peperangan termasuklah pelan peperangan dan pelan pembangunan untuk tentera-tenteranya. Kedua baginda menyediakan logistik ketenteran atau alat-alat yang digunakan untuk berperang. Dari aspek diplomasi pula, baginda mengikat hubungan baik dengan jiran tetangganya.

Setelah tidak berjaya memasuki kota Konstantinopel, Sultan Muhammad Al-Fateh mengarahkan bala tenteranya untuk berundur seketika dan menukar strategi. Ada tiga perkara yang menjadi penghalang iaitu i) Teluk Bosphoros, ii) Lautan Galata, dan iii) Tanduk Emas yang paling dekat dengan kota Konstantinopel. Digambarkan dengan jelas betapa sukarnya ketiga-tiga halangan ini untuk ditembusi oleh tentera Islam menunjukkan tahap keselamatan kota Konstantinopel yang sangat tinggi. Oleh itu, Sultan Muhammad Al-Fateh mengkaji dan mengambil iktibar daripada pengalaman kegagalan yang lalu di mana strategi sebelumnya kapal akan bermula di Teluk Bosphoros dan mengelilingi Lautan Galata yang dipenuhi rantai-rantai emas untuk sampai ke Tanduk Emas.

## Kapal Berlayar di Daratan

Tanduk Emas masih tidak berjaya dan mustahil untuk didekati melalui jalan laut tambahan pula kapal-kapal perang dari Eropah semakin banyak yang tiba untuk membantu kerajaan Rom. Akhirnya Sultan Muhammad Al-Fateh mendapat petunjuk daripada Allah SWT melalui mimpi. Baginda telah menyusun strategi baharu iaitu kapal dari Teluk Bosphoros akan dipindahkan merentangi Lautan Galata dan bukan mengelilinginya seperti strategi peperangan pahlawah-pahlawan terdahulu. Dengan kata lain kapal-kapal Islam akan dipindahkan melalui jalan darat yang berbukit bukau dan hutan tebal. Satu tindakan yang tidak terfikir dan tidak masuk dek akal sesiapaupun.

Dalam novel ini digambarkan bagaimana sebanyak 70 buah kapal perang tersebut dipindahkan melalui jalan darat sejauh tiga batu dalam satu malam sahaja. Baginda mengarahkan tenteranya membina jalan dari kawasan pantai melalui kawasan berbukit Tanjung Fera hingga ke Tanduk Emas. Mereka bekerja siang dan malam. Semua tentera terlibat dalam kerja-kerja itu. Selepas jalan itu siap, Sultan Muhammad Al-Fateh menyuruh tenteranya menebang pokok-pokok kayu yang besar untuk dijadikan landasan bagi dilalui oleh kapal-kapal perang mereka. Kayu-kayu itu dilumur dengan lemak dan darah binatang supaya menjadi licin.

*“Maharaja Konstantine terjaga dari tidur apabila mendengar suara takbir... Alangkah terkejutnya Maharaja Konstantine apabila melihat 70 buah kapal perang tentera Turki berlabuh di Tanduk Emas. Kedudukan kapal-kapal itu betul-betul di hadapan kota Konstantinopel” (ms 257).*

Akhirnya digambarkan peperangan yang amat sengit antara tentera Islam dengan pihak musuh yang berlanjutan siang dan malam selama 53 hari.

Pada 20 Jamadilawal 8057 Hijrah bersamaan 29 Mei 1453 Masihi kota Konstantinopel jatuh ke tangan tentera Islam. Sultan Muhammad Al-Fateh berjaya merealisasikan hadis Nabi SAW tersebut. Lalu baginda menukar fungsi gereja Hagia Sophia menjadi masjid dan menjadikan kota Konstantinopel sebagai bandar dan kota baharu dan menjadi ibu kota serta pusat pemerintahan baharu kerajaan Turki Othmaniah dengan menamakannya sebagai Islambol yang kini dikenali sebagai Istanbul.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, novel ini sangat baik, sesuai malah amat disarankan untuk dibaca oleh semua golongan pembaca. Buku ini digarap dengan ringkas mudah difahami serta senang untuk dipraktikkan. Buku ini banyak memberi maklumat serta panduan kepada pembaca tentang perjuangan dan strategi di medan peperangan sehingga boleh menaikkan semangat berkobar-kobar kepada pembaca supaya terus berusaha dan tidak mudah berputus asa untuk mencapai sesuatu kejayaan. Kulit buku juga dapat menarik minat pembaca pada 'pandangan pertama'. Sultan Muhammad Al-Fateh digambarkan seorang pemimpin yang sangat hebat, terlalu mengambil berat tentang bala tentera dan rakyat keseluruhannya yang perlu ditiru oleh seluruh lapisan masyarakat terutama golongan pemimpin di negara kita.

Terlalu banyak pengajaran dapat dikutip melalui novel ini. Tentera yang baik sehingga digambarkan mereka tidak sanggup mengambil buah delima walaupun yang hanyut di dalam sungai tanpa keizianan tuannya. Sultan Muhammad Al-Fateh terlalu menyantuni tentera-tenteranya dan baginda juga telah menyamar untuk merisik kebaikan rakyatnya dan didapati sepasang suami isteri walaupun miskin dan tiada makanan, mereka tetap menyantuni tetamu.

***“Apabila tenteraku sebaik-baik tentera,  
pertolongan Allah akan tiba.”***

Digambarkan juga bahawa Sultan Muhammad Al-Fateh terlalu kuat berpegang dengan agama selain daripada menghafaz 30 juzuk al-Quran, baginda tidak pernah meninggalkan solah fardhu setelah baginda baligh malahan memperbanyakkan solat sunat. Ketika malam tentera-tentera Al-Fateh tidak pernah tidur malah sering melakukan solah sunat, membaca al-Quran dan berzikir.



# Hagia Sophia



Sumber : Google





ISBN 978-967-17720-6-5



9 789671 772065